

PERMATANG PAUH

Posted by Dr. Mahathir Mohamad at August 27, 2008 1:20 PM

1. Apa yang telah dijangka sudah pun berlaku.
2. Anwar menang.
3. Barisan Nasional kalah.
4. Saya biasa menulis berkenaan dilema Melayu. Saya percaya dalam pilihanraya kecil Permatang Pauh ramai yang berada dalam keadaan serba salah. Bukan sahaja Melayu tetapi juga bukan Melayu.
5. Ramai pengundi tidak ingin undi bagi Dato Seri Anwar. Tetapi mereka juga tidak ingin undi Barisan Nasional. Calon Barisan Nasional baik tetapi kalau beliau menang maka Dato Seri Abdullah Ahmad Badawi akan dakwa yang dirinya menang, dakwa yang sokongan kepada Barisan Nasional iaitu pada dirinya sudah kembali, dakwa Barisan Nasional telah dipulih dibawah kepimpinannya.
6. Saya percaya dengan berat hati penyokong-penyokong Barisan Nasional telah undi PKR supaya Dato Seri Abdullah akan sedar yang kepimpinannya tidak dikehendaki lagi.
7. Wang yang banyak telah ditabur atau dijanji akan ditabur. Pekerja Barisan Nasional dibayar saguhati. Calon yang diletak sesuai juga. Apakah yang tidak kena dengan Barisan Nasional sehingga pengundi memberi kelebihan undi yang lebih banyak dari bulan Mac kepada Dato Anwar yang enggan bersumpah.
8. Mesej yang hendak dihantar oleh pengundi Melayu, Cina dan India menjadi sia-sia kerana Dato Seri Abdullah tidak ada telinga untuk mendengar, tidak ada mata untuk melihat.
9. Tetapi ahli UMNO daripada pemimpin lain UMNO perlu sedar dan faham mesej daripada pengundi Permatang Pauh. Sejak Mac 2008 sokongan kepada UMNO dan BN bukan pulih tetapi merosot.
10. Kamu boleh terus sokong Dato Seri Abdullah sebagai Presiden parti. Tetapi rakyat tidak akan sokong UMNO kerana UMNO sudah jadi alat Dato Seri Abdullah dan keluarganya. Apabila datang pilihanraya ketiga belas rakyat akan jatuhkan UMNO dan Barisan Nasional kerana hanya dengan cara ini sahaja rakyat akan dapat jatuhkan Dato Seri Abdullah.
11. Malang bagi UMNO dan Barisan Nasional. Tetapi kerana UMNO dan Barisan Nasional tidak sanggup bertindak, rakyat terpaksa bertindak.
12. Untuk pulihkan sokongan kepada UMNO dan Barisan Nasional, Dato Seri Abdullah perlu bertanggungjawab dan letak jawatan sekarang. Ini akan memberi masa empat tahun bagi pemimpin-pemimpin UMNO berusaha untuk menarik balik penyokong UMNO dan Barisan Nasional. Jika ditunggu hingga Jun 2010 masa yang tinggal untuk pemulihan hanyalah 2 tahun; terlalu pendek untuk kerja yang berat ini.
13. Pilihan bagi UMNO hanya dua. Setia kepada Dato Seri Abdullah dan kalah dalam Pilihanraya Umum ke 13 atau setia kepada UMNO lebih daripada setia kepada Dato Seri Abdullah dengan kemungkinan menang Pilihanraya Umum ke-13.
14. UMNO perlu ingat undi daripada ahli-ahli setianya sahaja tidak mencukupi untuk mendapat kemenangan. Untuk menang calon UMNO perlu undi orang bukan ahli parti dan orang Cina dan India. Dalam keadaan sekarang, dalam keadaan UMNO dan Kerajaan di pimpin oleh Dato Seri Abdullah tidak mungkin orang bukan daripada parti UMNO dan orang Cina dan India akan beri kemenangan kepada calon UMNO atau Barisan Nasional. Bahkan ahli-ahli UMNO yang kecewa dengan pimpinan Dato Seri Abdullah pun tidak akan undi UMNO dan Barisan Nasional.

15. Saya percaya akhbar dan TV arus perdana akan putar cerita pilihanraya kecil Permatang Pauh untuk menyedapkan hati pemimpin UMNO dan Dato Seri Abdullah. Justeru itu pemimpin, terutama Dato Seri Abdullah akan yakin yang dianya dikehendaki untuk pulih semula parti. Dan UMNO pun akan terus pilihnya dengan sebulat suara pada bulan Disember. Dan akan merosot lagi lah UMNO dan Barisan Nasional.
16. Dengarlah, lihatlah apa yang dipertunjukkan oleh pengundi Permatang Pauh. Mereka tidak undi untuk Dato Seri Anwar dan PKR. Mereka undi untuk mengalahkankan Barisan Nasional dan UMNO.
17. Kelebihan undi bagi Dato Seri Anwar berbanding Mac 2008 tentulah kerana dalam jangka hanya lima bulan sokongan kepada BN dan UMNO merosot lagi.
18. Nak tunggu sampai bila wahai ahli UMNO, sebelum kamu sedar akan perlunya kepimpinan Dato Seri Abdullah ditamatkan?

666 Comments

By apanamaAuthor Profile Page on August 27, 2008 1:36 PM

A clear case of being in between the Devil and the Deep Blue Sea, Sir.

The Umno president must step down..or be removed at all costs.

At stake is the future of this beloved nation ... a once proud nation which is fast sliding into the backyards of the third world.

By Sigli M3r1 Mo3dAuthor Profile Page on August 27, 2008 1:37 PM

Tamatkan Yang Ini Sekarang! Don't Wait In Vain.

Menyesal Dahulu Pendapatan.....!

Dear Tun Jangan Banyak Stress Ok. I Think Of You As a Lovable Father For The Country :)

By Pointman on August 27, 2008 1:38 PM

Tun,

Pada asasnya ahli UMNO adalah pengecut. Semua bacul. Itulah masalah ahli UMNO. Ataupun mereka tidak ada otak. Apakah benar UMNO maksudnya 'Untuk Melayu No Otak'?

By mibsinpoliticAuthor Profile Page on August 27, 2008 1:38 PM

I'm the firstt!!!! That is simply true! dah terang lagi bersuluh, tak paham paham jugak.. camne nie??

By khairulg on August 27, 2008 1:40 PM

Salam

Berapa banyak lagi petunjuk yang harus rakyat bari. Harap pucuk pimpinan kerajaan faham sekarang.

By warisan melayu on August 27, 2008 1:40 PM

Salam Tun,

Seperti yg dijangka, BN kalah.

Apa boleh buat sekiranya pak lah masih lagi berdegil untuk tidak meletak jawatan sebagai PM dan

presiden UMNO. Selagi pak lah berada diatas, nescaya BN amnya, UMNO khususnya akan kalah lebih teruk lagi dalam PRU 13.

Saya menyokong post Tun kali ini.

Sedarlah wahai ahli-ahli UMNO, kita perlu bangkit dari tidur! Jangan biarkan pengkhianat bangsa menawan putrajaya!

By zebramones on August 27, 2008 1:40 PM

Ahli-ahli biasa UMNO memang sudah lama sedar kepimpinan Pak Lah harus ditamatkan...

Tetapi ahli-ahli 'special' UMNO tidak mahu Pak Lah berundur kerana mempunyai kepentingan peribadi...ataupun takut dilucutkan kuasa masing-masing kerana bersuara menentang Pak Lah dan kuncu-kuncunya

By qausar on August 27, 2008 1:41 PM

Kepada Pak Lah,

Jika anda betul seorang Islam, Melayu, Bapa, Datuk dan PEMIMPIN yg bertanggugjawab, tolong la berundur sekarang. Adakah anda ingin melihat anak cucu anda generasi akan datang hidup seperti Melayu di Singapura. Berundur bukan bererti kalah, tp berundur demi agama, bangsa dan negara.

PLEASE PAK LAH, STEP DOWN OR RAKYAT WILL SUFFERED.

Adakah anda mampu menjawab di alam kubur dan akhirat nanti.

By MalayJessyJamesAuthor Profile Page on August 27, 2008 1:43 PM

Tun,

Macam tu la Tun. Puas kita kita membebek, mengomel, bersyarah tapi apa keputusannya? Saya dah malas nak fikir apa yang akan terjadi dengan Malaysia ni. Cuma saya dapat berdoa & mengharap kepada Allah SWT Tuhan sekian alam semesta semoga dihindarkan segala bala untuk kita.

Mungkin kita cakap 4 tahun kita akan tengok keputusan yang sama. Saya takut dalam masa 4 tahun lagi lain pulak yang akan berlaku. Mungkin Allah akan turun kan bala pada kita. Bala turun bukan mengira kita ni baik ke jahat. Bala akan datang dan semua orang akan merasa. Sesungguhnya Allah SWT maha mengetahui dan maha bijaksana.

Sekian

By zahirah on August 27, 2008 1:43 PM

Yes sir, u r right. saya penduduk permatang pauh yang bekerja di kuala lumpur pun terasa malas nak balik kampung untuk mengundi memandangkan ketiga-tiga parti bukan menjadi pilihan saya. saya cuma akan mengundi sekiranya Tun menjadi PM semula.

By kameer77 on August 27, 2008 1:44 PM

i am the first??

Tun, thanks for your postings.

By razakAuthor Profile Page on August 27, 2008 1:44 PM

Dear Tun,

Agree with Tun 200%.

Professional, cikgu, pemandu teksi, driver bas, orang bandar dan orang kampung bila bercakap pasal UMNO atau kerajaan, mereka akan kata:

- Kerajaan sekarang tak betul
- UMNO dah rosak

- Kenapa ABB tak nak letak jawatan
So, why need to wait, take action now or UMNO akan hancur.

By masmelo on August 27, 2008 1:44 PM

anwar dgn rasminya dah jadi ahli politik kembali. lepas ni anwar akan masuk parlimen. langkah seterusnya? *jiwa rakyat kacau bilau*
By acx on August 27, 2008 1:44 PM

as'kum tun

mungkinkah cita2 DSAI akan tercapai untuk menjadi perdana menteri? apa komen tun? harap tun sihat selalu..

By kaizer on August 27, 2008 1:45 PM

Salam sejahtera Tun,

You are right. Pak Lah tiada pilihan lagi. Step down now. Ahli-ahli UMNO wake-up. Saya setuju dengan pandangan Tun. Sekiranya ahli UMNO masih perlukan Pak Lah lagi, saya yakin PR13, UMNO sudah tidak relevan lagi. Inilah kesempatan yang akan diambil oleh Pakatan Rakyat terutamanya DSAI. Yang penting sekarang PAK LAH & KJ, undurlah sekiranya sayangkan UMNO dan bangsa Melayu.

Sekali lagi ingin saya ucapkan. UNDURLAH PAK LAH demi utk agama, bangsa & negara.

Wasallam.

By Ruslizan on August 27, 2008 1:45 PM

Assalamualaikum, tun

Anwar menang kerana berjaya memberikan janji dan harapan kepada seluruh rakyat malaysia dan kerajaan barisan nasional sekarang gagal menghalang kemaraan beliau.

Segala janji yang ditabur adalah lebih manis daripada madu untuk dirasa, lebih sedap daripada lagu siti nurhaliza untuk didengar. semoga janjinya adalah janji pemimpin, bukan janji ahli politik..

Semoga malaysia lebih cemerlang, gemilang dan terbilang...

Allah Selamatkan Malaysia dan rakyatnya..

By filmasia.blogspot.comAuthor Profile Page on August 27, 2008 1:45 PM

Tun,

Semasa kempen pilihanraya beberapa hari lalu Khairy ingin menguburkan kerjaya politik DSAI dalam ucapan beliau. Sekarang kita dapat lihat siapa masuk kubur dulu...

By Farizad on August 27, 2008 1:45 PM

Dear Tun.

The UMNO member must act now and our PM must go, Najib also has failed to deliver in Permatang Pauh , we need new leader for UMNO or BN will be the opposition during the next election.
By bintang12 on August 27, 2008 1:46 PM

dah memang SIFAT pak dolah cam tu...ibarat mr.bean memerintah negara...SENGIH & TIDO 24JAM...
By mfadhan on August 27, 2008 1:47 PM

Assalamualaikum Tun,

Diharap perwakilan UMNO tahun ini lebih matang dan bijak
By Ruslizan on August 27, 2008 1:48 PM

Assalamualaikum...

Rakyat perlukan PEMIMPIN yang boleh MEMIMPIN, bukan ahli politik yang MEMPOLITIKKAN SEMUA perkara...

Tiada LIWAT, tiada SUMPAH LAKNAT, Tiada mempergunakan AGAMA untuk kepentingan PERIBADI..

Bersih, Cekap, Amanah..

Luv U TUN...

By alice on August 27, 2008 1:48 PM

Dear Tun,

You are the best leader ever in Malaysian history.
Thank You for everything that you have done for us.

You will always have my support.

Take Care coz we still need you!

By Ieman 3 on August 27, 2008 1:49 PM

YD TUN

Apa yang sedihnya berita TV dan Akhbar arus perdana menceritakan bahawa BN boleh menang, Bahawa kejutan akan berlaku, lepas tu bila dah kalah dia kata "Sebagaimana yang dijangka kan DSAI akan menang" apa ni berita !! Langsung tak Boleh Percaya? Yang kesiannya DSNTR siang malam berkerja keras, macam dah hilang punca je.....UMNO jangan hilang focus sebab jawapan nya senang je.. UMNO kene jadi KULI Rakyat bukan jadi MANDOR kepada Rakyat, suruh itu ini akhirnya dia yang sapu semua....

Sekian, Maaf Bang.. Juga maaf kepada TUN yang bistari

By H2O on August 27, 2008 1:49 PM

Tun,

Yes..support for BN has fallen. The PM failed his PEOPLE miserably and he should resign. Enough of flip flops and sandiwara. May I ask whom in UMNO does Tun suggest to carry the torch from AAB? I can tell you this...NONE. There is no one person in UMNO who is bright enough, intelligent enough, un-corrupted and responsible enough to revamp UMNO. UMNO is sliding down the slippery slope.

What? Najib you say? People threw water bottles at him yesterday. What say you?

By feizaill on August 27, 2008 1:50 PM

Good article..

People is not supporting Anwar but is fighting against BN.

By plutonium on August 27, 2008 1:51 PM

Tun,

I'm dissapointed that Anway won the election.... Anyway, this is a clear message from the people of Permatang Pauch, NOT the entire Malaysia !!

So Anwar, just made a huge step forward in making his personal agenda a reality. The fact is he made it...and BN lost it, yet again !!!!!!

Anyway, the next move from Anwar will be to pull fence sitting MPs to opposition.. lets see if he succeed in doing this.

If he does, then the power hungry Anwar will be PM of Malaysia, which is disgrace to the people of Malaysia !!!

I'm totally speechless.....

By steve23 on August 27, 2008 1:51 PM

Tun,

what as you predict is absolute correct.I will always support you Tun.

By dreamersAuthor Profile Page on August 27, 2008 1:51 PM

Assalamualaikum Tun & Isteri,

I think you just hit UMNO right in the middle of their heart. UMNO should think fast and wise. DSAB might be a good leader but not good enough to lead our country. We need someone else at UMNO helm before Anwar Ibrahim make this country running out of control...

Okay Tun selamat menyambut our 51st Independence Day and Selamat Menyambut Ramadhan Al-Mubarak.

By tayadiH maysiA on August 27, 2008 1:51 PM

Salam Tun,

Saya kurang setuju kalau cakap orang Permatang Pauh "tak ingin" mengundi DSAI. Kalau Tun cakap pengundi Permatang Pauh "tak ingin" mengundi BN itu betulah.

Orang UMNO tunggu Malaysia jatuh ke tangan Pakatan Rakyat baru diorang nak "tendang" PM flip flop kesayangan mereka dan kebencian 99 peratus rakyat Malaysia.

By stilettosAuthor Profile Page on August 27, 2008 1:51 PM

Dear Tun,

Perlukah kami semua melutut supaya Pak Lah mengundurkan diri? Jika perlu, saya sanggup. Saya sanggup bukan kerana saya benci Pak Lah, tapi kerana Malaysia yang semakin sayup yang semakin hilang hala tujuinya.

Mr & Mrs Imran

By Penang Podcast on August 27, 2008 1:52 PM

Dear Tun,

I totally agreed on this. People are not really like Anwar but their hate Pak Lah worst. Therefore they have not much choice to vote for Anwar so that Anwar can fight Pak Lah. He should resign immediately so that BN can start to plan and win back the next election.

By NderiaN08 on August 27, 2008 1:52 PM

Balik2 Tun nak Dato' Seri Anwar bersumpah,Tun tau tak yang DSAI penah bersumpah 10 tahun yang lalu?tapi masuk penjara gak.Plz lah,jgn politikkan agama kalau ilmu agama tak ke mana.Malu lah ngan saudara-saudara yang non-muslim asyik baca kisah sumpah kat newspaper tiap- tiap ari.Sumpah macam mainan plak.Pastu yang Azizan tue tak gak kene dakwa atau kena sebat walaupun kes liwat DSAI dah terbukti tak bersalah.Tun,aku respect Tun sbb banyak bawak Malaysia ke tahap sekarang tapi tak

bermakna apa Tun cakap tue kena diterima.Kita da mahkamah syariah,better kita sumpah ikut prosedur agama,jangan balik-balik nak bersumpah.sekarang nie macam terbalik,bukan kerajaan yang bela nasib rakyat,tapi rakyat yang susah ati tiap-tiap ari pemimpin kerajaan dok gadoh tak abis-abis tunjuk kebodohan masing-masing.Kalau macam nie tak 10 tahun akan datang,aku tak tau sama da kita mampu ke tak capai WAWASAN 2020 yang Tun ilham kan tue.Cubalah cari kaedah camne nak selesai masalah tue elok-elok,jangan balik-balik sumpah,sumpah,sumpah dan sumpah!

jangan termakan sumpah sudah.

By permatasabah on August 27, 2008 1:53 PM

Assalamualaikum Tun Dan Para Bolgers..

Mengaku kelemahan diri selalunya hanya boleh dilakukan oleh mereka yang betul-betul kuat..dan dengan pengakuan sebegini bukannya bermaksud kita gagal cuma ianya bermaksud kita belum berjaya lagi...jadi saya amat yakin inilah formula yang tepat untuk semua ahli UMNO perlu guna pakai untuk memulihkan sokongan daripada orang kebanyakan seperti saya...jadi ahli UMNO dari pada akar umbi hinggalah ke presidentnya wajib mengaku hakikat ini..

Saya amat menyokong pendapat Tun dalam soal ini..sayang UMNO hanya tinggal menjadi satu tajuk sejarah kepada anak cucu kita dimasa hadapan...

Berubahlah..terimalah kenyataan..yang ingin kita selamatkan adalah anak bangsa kita dan anak cucu kita..kalau ini pun tidak di sedari oleh orang bijak pandai dan para ilmuwan yang ada dalam UMNO sekarang bererti tidak salahlah apa yang semua orang selalu katakan selama ini bahawa Orang dalam UMNO sekarang dari bawah sampai ke atas tidak berwibawa, tidak pandai dan kalau di Sabah..tidak pandai ini selalu diertikan sebagai BODOH!!(sila tanya Datuk Bung Mokhtar Radin)

Berubahlah demi anak cucu dan bangsa melayu dan Malaysia..sebelum sampai pilihan raya umum ke 13 atau rakyat akan mengubahnya sendiri sebelum masa tersebut..

Apa Pun selamat menyambut Bulan Ramadhan dan hari Merdeka..

(Tak salah dan bukannya dosa besar untuk bertanya dan mengambil pendapat Tun...)

Wassalam...

By chepah_bonzer on August 27, 2008 1:53 PM

tak tahu lah bila depa2 nie nak sedaq...

kena ketuk sampai 4 kali pun (Kedah, P.Pinang, Perak, Selangor) dok tak sedaq2...

By bagan on August 27, 2008 1:53 PM

Salam Tun,

Dengan kemenangan DSAI, Adakah 16 september 2008 akan berlaku perpindahan kuasa kerajaan!!!

Tak Suka DSAI jadi PM...

By farah on August 27, 2008 1:53 PM

Assalamualaikum Tun... Jika Dato' Seri Abdullah Ahmad Badawi step down, siapakah yang paling layak menggantikan tempat beliau memandangkan terlalu ramai ahli UMNO yang tidak boleh dipercaya?

By sallehuddin on August 27, 2008 1:54 PM

salam Tun.

Semoga Allah memberkati Tun sekeluarga dan sentiasa sihat ada nya.

Saya gembira dan bersyukur kehadrat Allah SWT kerana adanya kesedaran berpolitik di kalangan masyarakat Malaysia...Semoga kemenangan DSAI memulihkan ekonomi Malaysia tercinta dan yakin bahawa Allah bersama orang orang yang benar

By Jamal on August 27, 2008 1:55 PM

Salam Setia Tun,

Saya daif tentang pelembagaan UMNO. Tetapi tidak kah ianya membolehkan ahli2 (jika ada suara yang mencukupi) mengadakan EOGM untuk mengajukan Undi Tidak Yakin (Vote of No Confidence) kepada President nya?

UMNO perlu berbangkit semula untuk menangani masalah yang membelenggu Negara ini secepat yang mungkin.

Tetapi yang paling baik adalah jikalau President nya dengan rela hati dan penuh tanggung jawab mengundurkan diri secara terhormat. Jestrui mengalihkan kepimpinan secara teratur and lancar.

Cukup lah dengan huru hara dan kebingungan yang berleluasa sekarang ini.

Ini kan pula Anwar nak bermain politik negara dunia ke tiga nya.

UMNO (dan BN) masih di perlukan Negara tetapi UMNO yang yang di perlukan berhala tuju balik kepada hala tuju pengasas2 nya. Yang tidak lupa daratan, yang tidak mengambil kesempatan, yang tidak lupa tanggung jawab sebagai parti yang perlu menjayakan NEP dan yang berjiwa TUN Dr Mahathir Mohamad.
By adityaAuthor Profile Page on August 27, 2008 1:55 PM

yes u r right tun, no option other than vote anwar...

By jalaksp on August 27, 2008 1:55 PM

tunggu jangan tak tungguuuuuu

By effie amri on August 27, 2008 1:55 PM

Tun,

Apa yang dikhuatiri ialah rakyat yang di dalam dilemma ini tidak lagi mempunyai pilihan selain mengharapkan sesuatu yang baru. UMNO tidak memberikan petanda bahawa sesuatu yang baru selain DSABAB terus kekal.

Ini memberikan DSAI kelebihan dalam mendapatkan sokongan rakyat yang tidak mahu lagi menyokong BN. Memang benar, kalau dibiarkan lama, UMNO dan BN akan berkubur.

Arus media seperti TV dan newspaper tidak lagi memberikan peranan apa2 kepada rakyat2 Malaysia yang semakin maju untuk mendapatkan berita2 terkini.

Effie Amri,
SAHOCA class of '97
By teja on August 27, 2008 1:56 PM

Salam Tun... memang saya jangka BN akan tewas di Permatang Pauh; sesuai sangat dngn satu artikel blog yg saya baca dengan
tajuk : Anwar wins and BN is still as ignorant as ever.
1001 alasan akan dicipta untuk melegakan hati mereka atas
kekalahan ini..namun tidak langsung merasa merekaalah puncanya.
Semoga Allah memberi petunjuk kepada kita dan mereka semua demi
negara tercinta.

Selamat Menyambut Ramadhan buat Tun sekeluarga.

By Along on August 27, 2008 1:56 PM

Kami dah minta dia turun Tun, tapi mesej kami dia tak peduli.

Masalahnya pemimpin kami yang bodoh, pekak dan tuli.
By mamat2008 on August 27, 2008 1:56 PM

salam Tun, saya harap Malaysia akan kembali bertuah seperti dibawah pimpinan Tun...pemimpin Umno masih belum dsedar lagi...sungguh menyedihkan...
By leviathan80 on August 27, 2008 1:56 PM

Terima kasih, Tun.
By zali lampai on August 27, 2008 1:57 PM

Assalamualaikum Tun,
Kemungkinan kita akan memasuki era baru.

Yang baik dan yang tak baik akan kita sama2 rasa. Mungkin ini akan lebih menguatkan kita atau sebaliknya.

<http://anakmalaysia81.blogspot.com/>
By adityaAuthor Profile Page on August 27, 2008 1:57 PM

yes u r right tun.. no option
By yusfi yusopAuthor Profile Page on August 27, 2008 1:57 PM

akum Tun,
saya teramat setuju dengan pendapat Tun. Walau dari dulu semua orang tahu perangai Anwar. tapi masih ramai rakyat yang 'terpaksa' memilihnya dari calon-calon lain yang bertanding.

Bolehkah Tun nyatakan dengan jelas dari manakah sumber kewangan PKR yang dilaporkan begitu banyak digunakan ketika pilihanraya kecil ini mahupun pilihanraya umum Mac lalu. Memang menghairankan parti yang hampir tekubur 5 tahun lalu boleh bersaing dari segi jumlah peruntukan kewangan untuk berkempen mengalahkan parti kerajaan.

Sebagai ahli umno, walaupun saya amat tidak menyenangi kempimpinan sekarang, jasa baik Tun tak akan saya lupa.

Semoga Tun sekeluarga dirahmati Allah selalu. Selamat menyambut hari merdeka. keranamu Mahathir!
By mamat2008 on August 27, 2008 1:57 PM

salam Tun, saya harap Malaysia akan kembali bertuah seperti dibawah pimpinan Tun...pemimpin Umno masih belum dsedar lagi...sungguh menyedihkan...
By IMD on August 27, 2008 1:58 PM

salam tun.
apa kata kita tunggu sampai sept-16 untuk next show???

By azry_rahman on August 27, 2008 1:58 PM

Saya tak sokong pak Lah mahupun Anwar.. habis tu sapa yang saya boleh sokong? hidup ayahanda Dr Mahathir !!! smoga ayahanda sekeluarga diberkati Allah dan sihat selalu.. ALLAHU AKBAR.
By zainiAuthor Profile Page on August 27, 2008 1:58 PM

rosak ade pemimpin macam paklah ni.
By marion3tte on August 27, 2008 1:59 PM

dah agak dah..
diorang ni x faham bahasa TUN..
masih dibuai mimpi lagi..
dah kono, baru ponoh akal masing2
adoiaaiiiii...

nak bwek camno, xdo joki..

By transformer on August 27, 2008 1:59 PM

YABhg Tun,

I m the first!

I agree with what you said - makes sense as always...

Sometimes when I read your blog, I can actually hear your voice saying it.....

By Bujang Sarawak on August 27, 2008 1:59 PM

Tahniah Al...

Dia memang layak untuk menang berbanding dengan UMNO.

Tak lama lagi pilihanraya di Sarawak akan diadakan, 2010/11. Sekali lagi kuasa rakyat akan tumbangkan BN. Percayalah...

By satria_gti76 on August 27, 2008 1:59 PM

saya setuju 101%. Paklah kena turun taktha pasal rakyat dah bersuara. Nak tunggu bila?????

By orangeman on August 27, 2008 2:00 PM

Yang Mulia Tun,

Nampaknya barisan pimpinan UMNO sekarang dah pekak telinga dan buta mata. Yang menghairankan banyak ahli-ahlinya pon ikut buta dan pekak sama-sama. Terutama gulungan yang 'pandai-pandai', yang bijak-bijak dan yang mungkin anggap diri mereka 'gulongan intelek'. Yang lebih menghairankan mereka merasa telinga dan mata mereka masih terang..masih ok. Nampaknya negara dan rakyat Malaysia akan KO. Dah tak lama dah. Sesuatu tindakan yang amat segera mesti diambil bukan dari kalangan ahli UMNO.tapi kalangan yang sayang negara, bangsa dan ugama.

Love you Tun,

Orangeman.

By IZZ on August 27, 2008 2:00 PM

terserah pd najib atau muhyiddin untuk mencabar pak lah.. kami org kebiasaan, rakyat jelata semua telah jelak dengan kepimpinan pak lah.. kami mahukan perubahan mendadak dalam kepimpinan umno.. jatuhkan pak lah sebelum kamu semua dijatuhkan!

By mamat2008 on August 27, 2008 2:00 PM

sy bharap politik dan ekonomi Msia kembali pulih, janganlah kerana kepentingan seseorang itu, maka bangsa dan negara dikorbankan...iutlah yg sy nmpk ada pd kebanyakan pemimpin skrg ini...mereka tidak mementingkan perjuangan bangsa dan negara sebaliknya utk kepentingan kroni2 sendiri...jgn biarkan diri ditindas ditmpt sendiri...ayuh bangkitlah wahai bangsaku!

By jeremyheah on August 27, 2008 2:00 PM

Tun Dr Mahathir,

My first time posting.

I agree with what you said about the by elections.

But more so, I believe it is because the people want to see more check and balance in place so that the people in power will have a harder time if they wish to abuse their power.

Sending a strong opposition leader back into the Parliament is definitely is the only thing we can do to

change the way things are.

By mamat2008 on August 27, 2008 2:00 PM

sy bharap politik dan ekonomi Msia kembali pulih, janganlah kerana kepentingan seseorang itu, maka bangsa dan negara dikorbankan...iutlah yg sy nmpk ada pd kebanyakan pemimpin skrg ini...mereka tidak mementingkan perjuangan bangsa dan negara sebaliknya utk kepentingan kroni2 sendiri...jgn biarkan diri ditindas ditmpt sendiri...ayuh bangkitlah wahai bangsaku!

By wahdazAuthor Profile Page on August 27, 2008 2:01 PM

Pilihanraya telah pun selesai. Dan ini adalah pilihanraya yang mungkin terpenting... iaitu musuh utama BN telah memasuki parlimen. Sebelum ini masing-masing bertanya-tanya, adakah Anuar akan berjaya atau tidak memasuki parlimen.

Jadi bagi mereka yang telah menjadi wakil rakyat.. mulalah bekerja untuk rakyat.. rakyat sudah muak dengan isu-isu yang tidak menguntungkan rakyat..

Mulalah bekerja.. mulalah membantu kami rakyat.. kawasan yang BN menang.. bekerjalah memajukan kawasan anda.. kawasan yang PR menang.. bekerjalah memajukan kawasan anda..

Sudah-sudahlah bersengketa sesama sendiri sehingga merugikan malaysian.. bukan itu yang rakyat mahukan.. kita tunggu PRU 13 nanti jika pun nak berkelahi.. sekarang rakyat sudah memilih anda untuk BEKERJA UNTUK RAKYAT..

By amirquelme on August 27, 2008 2:01 PM

Dear Tun,

After this we have to ADVICE Pak Lah to look into all UMNO and BN Minister and ADUN, to care about their HEALTH.. takut ada ADUN @ Ahli Parliment BN yang tak sihat esok kena buat pilihanraya kecil lagi. For sure the 2/3 majority will be decreased.

By muslimah76 on August 27, 2008 2:01 PM

Salam Tun,

Benar...kemenangan Anwar menunjukkan protes rakyat terhadap kepimpinan Pak Lah. At the same time rakyat menggali kubur mereka sendiri...kemungkinan besar seandainya Anwar berjaya mencecahkan kakinya ke Putrajaya.....Malaysia juga akan menjadi seperti Afghanistan dan Iraq..Nauzubillah

By shazleen on August 27, 2008 2:01 PM

Assalamualaikum Tun dan Keluarga.....

TUN,

MELAYU MUDAH LUPA....

ZAMAN KEGEMILANGAN UMNO DA BERLALU

MARUAH AGAMA DAN BANGSA DAH SEMAKIN DI PERKOTAK KATIK KAN....

DAH DIJADIKAN MAINAN POLITIK

APA NAK JADI.... APA NAK JADI.....

KITE NAK TGK KE MELAYU MALAYSIA MENJADI MELAYU DI SINGAPURA???

TUN,

SALAH TUN BAGI SAYA YANG TERBESAR CUME SATU JER....

TUN TAK PATUT LETAK JAWATAN....

By ardyl on August 27, 2008 2:02 PM

Hope Pak Lah and the rest of the lot realize that they should pack and leave A.S.A.P.

I don't think that Pak Lah is in touch with reality, at all.
By ciner bejing on August 27, 2008 2:02 PM

Walaupun di tuduh meliwat + sumpah tetapi masih menang. Pengundi masih memberi mandat kepada PKR. Hairan dan ajaib... Bagi gua ini menunjukkan pengundi sudah hilang kepercayaan kepada UMNO 100%. Sedarlah wahai badawi... walau apepung yang dibuat selepas ini rakyat sudah hilang kepercayaan kepada kamu... Setakat turunkan harga minyak 15 sen buat kejutan kat stesen LRT rakyat dah cerdik sekarang... Itu semua gimik pancing undi..

By Suqizam 'EsQ' Ibrahim on August 27, 2008 2:02 PM

KESIAN.....KESIAN.....KESIAN
By moyabira on August 27, 2008 2:02 PM

Assalamualaikum Tun,

- a) Kekalahan ini mnunjukkan rakyat memerlukan perubahan pada parti UMNO terutamanya dalam isu kepimpinan yang lemah dan juga isu rasuah yang hangat diperkatakan.
- b) Jika tiada perubahan dalam masa terdekat ini, PERCAYAhalah UMNO akan terkubur dengan sendiri.
- c) Kepercayaan rakyat semakin hari terhadap BN, semakin lemah, kita harap Pak Lah & sekutu-kutunya dpt mengundur sebelum keadaan lebih parah. Jika ia ingin melihat UMNO mendapat hati orang melayu khasnya.
- d) Sedih dgn keputusan PP ini, apa boleh buat orang atas atau pimpinan atas masih dibawah mimpi-mimpi indah, rasa KEPENTINGAN DIRI lebih daripada parti

Wassalam,

Kaf Yaa Ain Sod Qaa Haa
By PC Repair Station MalaysiaAuthor Profile Page on August 27, 2008 2:02 PM

Yg Berbahagia Tun,

Kalau para pemimpin UMNO masih lagi diulik mimpi dengan kekalahan ini dgn tidak berbuat apa-apa, dan Pakatan Rakyat yang dikatakan akan mengambil alih kepimpinan negara mula menggerakkan langkah, nampaknya sama-sama kita bersiap sedia.

Bersiap sedia untuk mula berkemas dan berpindah ke luar negara. Walaupun sayangkan Malaysia dan cintakan Malaysia, namun nampaknya negara ini sudah tidak seperti dahulu lagi.

Tidak seperti dahulu lagi, yg dihormati disegani oleh negara luar, yg aman makmur, yg orang melayunya bersopan santun dan bersatu dan yg serba serbinya murah dan berpatutan.

Wasalam, Azleen
By Ocelat on August 27, 2008 2:03 PM

Dear Tun,
Now, we have an recognized MSM in the parliament. I hope, we have a better leader in the future.
Somebody that when children says " My role model is my prime minister. I want to be like him", we smile in delight. We need good muslim leaders to rule this country.
I am glad that we have the same idea regarding the the discrimination thing. I felt shameful that I was regarded as deficient and as needy. That however applies to me because I had a good headstart since I

came from a supportive family and with lots of advantage. It is pure frustration and irritating to know people abusing the opportunity given to them.

By adia_as on August 27, 2008 2:03 PM

Assalamualaikum....

Kebanyakan rakyat tidak mementingkan betul salahnya tentang 'kes' terbaru yang berbangkit. Di benak hanya memikirkan runtunan corak penghidupan di bawah pimpinan DSAAB.

WallahuAlam...

By PC Repair Station MalaysiaAuthor Profile Page on August 27, 2008 2:03 PM

Yg Berbahagia Tun,

Kalau para pemimpin UMNO masih lagi diulik mimpi dengan kekalahan ini dgn tidak berbuat apa-apa, dan Pakatan Rakyat yang dikatakan akan mengambil alih kepimpinan negara mula menggerakkan langkah, nampaknya sama-sama kita bersiap sedia.

Bersiap sedia untuk mula berkemas dan berpindah ke luar negara.Walaupun sayangkan Malaysia dan cintakan Malaysia, namun nampaknya negara ini sudah tidak seperti dahulu lagi.

Tidak seperti dahulu lagi, yg dihormati disegani oleh negara luar, yg aman makmur, yg orang melayunya bersopan santun dan bersatu dan yg serba serbinya murah dan berpatutan.

Wasalam, Azleen

By tuahmerahAuthor Profile Page on August 27, 2008 2:04 PM

Salam Tun

Memang yang dijangka telah menghadirkan diri. Apakah yang lena masih lagi terus di buai mimpi? Inilah masanya untuk orang orang dalam UMNO dan parti yang seangkatannya harus bertindak untuk memperbaiki diri. Pak Lah harus letak jawatan sekarang. Tiada guna lagi untuk duduk di kerusi empuk dan syok sendiri. Lihatlah betapa rapuhnya BN. Orang yang berdiri dengan cuak dan tak mahu bersumpah pun boleh menang.

Kalau dikira calon BN yang menang dalam ADUN pun boleh hilang undi dari tempatnya sendiri. Bukan salah calon, tapi orang lihat siapa pemimpin beliau. Terlalu taksub dengan kuasanya yang ada. Gagal lihat kemahuan rakyat yang berjuta. Turun minyak, mana ada barang yang turut turun harga. Dah naik mana nak turun! Macam la tak tahu hakikat dunia perniagaan.

Kalau sekadar keluar TV dan kenyataan 'menyeru' peniaga turunkan harga baik tak payah la Pak Lah. Semua saudagar saudagar hanya tersenyum dan gelak. Pak Lah kata turunkan harga sebab minyak dah turun, mereka akan beri selembar sebab menyapa harga tak boleh diturunkan. Malah kalau tak naik harga tiket, ramai tak boleh balik raya sebab dah diugut oleh pengusaha bas yang mengatakan tiada bas tambahan.

Bangun lah Pak Lah, rakyat telah lama bangun...

By Black CarnationsAuthor Profile Page on August 27, 2008 2:04 PM

Askum Tun... walaubagaimanapun, saya tetap merindui kepimpinan Tun. Saya yakin, jika cadangan Tun di atas dilaksanakan Pak Lah.. sudah tentu kita boleh raih kembali UMNO yang dahulu... Entahlah.. Ramai yg enggan buka mata.. ramai lebih suka jadi "Sleeping Partner"..\n

By pulau_sibu on August 27, 2008 2:04 PM

This is not just the problem of Abdullah alone. It is the problem of UMNO. Look at the kind of attitude of

the UMNO ministers and those holding high posts in UMNO. Every one would like to throw them out. There is no space in Malaysia for this kind of politics and politicians. My guess is BN is going to break apart. The good ones from each party may go to Pakatan Rakyat.

By adraxy on August 27, 2008 2:04 PM

Kalau saya pengundi di Permatang Pauh saya tidak akan mengundi BN atau PKR. Undi akan saya berikan pada AKIM. Kerana saya tidak menyukai Pak Lah & saya juga tidak menyukai DSAI. Pilihanraya yg lepas saya tidak mengundi BN & PKR kerana saya tidak sanggup memberi undi saya pada parti berikut. Undian saya berikan kepada BEBAS. Walaupun BEBAS tidak menang tapi hati saya puas sebab saya tidak bersekongkol dgn kedua2 pemimpin yg menjengkelkan. Nasib melayu akan tergadai oleh kedua2 pemimpin ini. Zaman kegemilangan Malaysia akan lenyap. Pemimpin gilakan kuasa rakyat yg jadi mangsa.

By anakjohor on August 27, 2008 2:04 PM

Jelas dan Nyata.

Rakyat telah menolak politik perkauman dan mengetuk pintu harapan !

DSA1 Menang - Harapan Baru Untuk Malaysia

DSA1 Angkat Sumpah Sebagai Ahli Parlimen Esok ! - 28 Ogos

By Anak Muar on August 27, 2008 2:05 PM

salam Tun,

Saya setuju 100% pendapat Tun. Rakyat dah tak ada cara lain untuk menjatuhkan PM. Calon BN di Permatang Pauh memang bagus tapi atas tiket BN dia kecundang juga, sama nasib dgn Ustaz Firdaus.

Walau berita kerajaan (RTM dan TV3)cuba memburukkan Anwar sehari sebelum pilihanraya dengan menemuramah bekas orang kuat Anwar iaitu Ezam dan rakan baik Anwar iaitu Datuk K.S Nalakarupan, rakyat tetap dengan pendirian mereka untuk memilih Anwar.

Saya sebagai rakyat Malaysia sememangnya risau dengan perkembangan politik sejak Tun menyerahkan kuasa pada PM. Apa akan jadi pada negara kita yang tercinta, yang sebelum ini aman damai tapi sekarang macam-macam isu di bangkitkan.

Saya hanya mampu berdoa agar pemimpin yang di beri kuasa tahu tanggungjawab sebenar sebagai pemimpin. Bagi pemimpin yang beragama Islam, mereka pasti tahu balasan yang akan di terima di akhirat kelak jika mereka tidak adil sebagai pemerintah.

sekian...doa untuk Tun sekeluarga, moga ALLAH s.w.t beri keberkatan dunia dan akhirat.

Anak Muar,
United Kingdom
By anakteja2 on August 27, 2008 2:05 PM

Asalam Tun,

Saya setuju sangat kenyataan Tun, sedih rasanya UMNO dan orang melayu sekarang ini, mungkin hanya tinggaljawatan dalam parti tetapi tidak dalam kerajaan, menang sorak - kampung tergadai, mendonggak langit tanpa berpijak di bumi nyata, berasa suka tapi dalam "duka", apa nak jadi "tebalkan telinga, butakan mata", melayu dan rakyat jadi mangsa, akibat nahoda tiada telinga, mendengar kata, jauh dari rasa, malang sungguh malang, umpama lebai malang - menongkah arus, itu isu kita!!! kita semua!!!

wasalam

Anakteja - mula berkata2

By Abdul Rashid BasarAuthor Profile Page on August 27, 2008 2:05 PM

Kemenangan ini telah dijangka. Ada hikmah di sebalik kemenangan ini.ARB Dagang
By YOP KY on August 27, 2008 2:05 PM

BERKAITAN DENGAN PERMATANG PAUH DAN UMNO SETERUSNYA BN.

Pada saya undi BN merosot adalah faktor UMNO dan BN itu sendiri.

- 1)Ramai pengundi tidak percaya dengan kredibiliti calon, pemimpin BN/UMNO kerana rakyat sekarang telah bijak memilih bukan sekadar bagi kain pelikat bak kata Berita Harian " Zaman dah berubah, dunia dah maju" motto tersebut memberi gambaran yang jelas dan mudah di fahami tetapi ramai pemimpin UMNO termasuk penyokong tak berapa 'pandai' atau lembab (kurang kering - kata apek)
- 2)Pemimpin BN/UMNO memang 'pandai' buat duit untuk diri sendiri manakala pengikutnya dapat juga tempias % jadi itulah yang UMNO perlu baiki sebab orang-orang kampung ramai dah tahu semua temberang dan tembelang cuma tak dapat nak buktikan.
- 3)Secara jujur dan ikhlas, siapa pemimpin UMNO yang betul-betul bersih dan tidak rasuah bolehkah Mantan PM tuliskan/berikan.
- 4) Jika betul pemimpin itu bersih Insyaallah UMNO boleh bertahan tetapi jika pemimpin sedia ada ini masih berkuasa (dari bahagian hingga ke presiden) maka amat susahlah pemimpin UMNO akan datang untuk merawat BARAH yang telah lama berada dalam UMNO.
- 5)Rumusan awal ikut kata motto MAKNA - kesan barah Awal (KEBAL)

By harry on August 27, 2008 2:05 PM

Tunggu tinggal nama saja..... masih tak faham2...

p/s: an advice that should be considered seriously

By Tinta Kinabalu on August 27, 2008 2:06 PM

Mesej pengundi jelas...tapi adakan pemimpin menerima dan memahami mesej itu dengan jelas. Budaya politik negara ini ialah pemimpin hanya akan berhenti setelah rakyat memberhentikan mereka. Terlalu jarang atau hampir tiada pemimpin yang sanggup berhenti sekalipun dihadapan mata mereka terbentang semua fakta menunjukkan yang mereka perlu berundur dan memberi peluang kepada orang lain utk mentadbir mengikut gya dan pendekatan yang berbeza. Jika kepimpinan Pak Lah masih tidak mahu menerima mesej Permatang Pauh, tidak hairan jika ada MP kelak terjun meninggalkan kapal yang hampir karam untuk menyelamatkan diri.

Hakikatnya bukan setakat Pak Lah, malah gaya pengurusan dan pentadbiran serta berbagai polisi kerajaan juga sudah sampai masanya utk diperbaiki dan diperbaharui.Antaranya dasar untuk menjutawankan sebilangan melayu melalui pemberian projek perlu dihapuskan. Orang melayu perlu bersaing dipadang yang adil dan sama rata sesama mereka untuk berjaya. Tindakan menjutawankan sebilangan orang terbukti membawa lebih banyak kerosakan kepada imej kerajaan dan merugikan sama sekali. Tambahan pula, orang yang sudah dijutawankan itu akhirnya memilih untuk menentang kerajaan.

Pak Lah, Musa Aman, Taib Mahmud dan beberapa orang lain mungkin perlu memilih untuk memerdekaan diri mereka dari sebarang ikatan politik dan kepemimpinan kerajaan, berikan kepada orang lain yang mampu membawa idea dan gaya pentadbiran baru kepada negara ini. Berdegil mempertahankan kuasa hanya akan membawa kepada kebinasaan yang amat dasyat. Berkorbanlah demi kebaikan negara ini.

Jika mereka terus degil mungkin inilah yang dikatakan sebagai...permulaan kepada penamat yang amat tidak ingin kita lihat.

By namichan on August 27, 2008 2:06 PM

Salam Dear TUN,
I think the current PM should resign ASAP. May God bless you and your family. Thankyou
By dospenang on August 27, 2008 2:07 PM

SALAM TUN,

Saya pecaya kepada PENGALAMAN.

PENGLAMAN ADALAH ILMU TERBESAR DALAM KEHIDUPAN.

PENGALAMAN TUN selama lebih setengah abad sebagai pemimpin dan negarawan menjadikan TUN lebih matang dan berpandangan jauh daripada semua pemimpin yang ada hari ini termasuklah DSAAB dan DSAl.

Tidak akan adanya sebab TUN menolak kepimpinan hari ini jika TANPA ASAS YANG KUKUH.

JADI bercakap hal DEMOKRASI, RASUAH, AUKU atau sebagainya boleh menampakkan kelemahan orang yang TUN TUJUKAN.

TETAPI pendapat saya TUN tidak akan ke mana jika menulis dan hanya bertindak sebagai 'PENGHIBUR' dan pembaca merasa 'TERHIBUR'.

SAYA ingin mengajukan TUN bertindak DEMI NEGARA MALAYSIA.

Bermula dengan 'TINDAKAN' BARU DAPAT MERUBAH KEADAAN.

CADANGAN SAYA:

1. TUN perlu mendapatkan sokongan calon pengganti PM yang TUN rasakan layak bertanding melawan PRESIDEN pada EGM UMNO akhir tahun ini dan mencalonkan beliau dengan sokongan MT UMNO.
2. TUN boleh mencabar PAK LAH supaya SATU PETI UNDI KHAS DIADAKAN semasa EGM UMNO nanti bagi melihat sama ada ahli-ahli UMNO masih yakin dengan presiden atau tidak.
3. TUN juga boleh mencadangkan atau mencabar satu poll online diadakan di website PEMUDA UMNO atau website UMNO sama ada mereka yakin dengan presiden hari ini.

SAYA YAKIN TUN LEBIH BIJAK DARI SAYA MENGENAI INI.

TERUSKAN MENGUNDI MENDESAK PAK LAH SUPAYA MELETAK JAWATAN:

<http://www.PetitionOnline.com/PakLah/>

VOTE SEGERA DEMI MALAYSIA!!!!!!!!!!!!!!

.....,,-"_____,``~.,
.....,,-".....,``-,,
.....,/..... PUNCA BN KALAH.....,,:
.....,?..... PAKKK LAHHHH!!.....,\,
.....,/..... PAK LAH.....,} ,}
.....,/..... TURUN!!!.....,:`^.. }
.....,/.....,:`^.. /
.....? ..,_.....,:`^.. /

WASALLAM

By Mikey on August 27, 2008 2:07 PM

Dear Dr,

I must agree that this is UMNO/Barisan's weakest hour. But I strongly disagree that a majority of the voters voted against BN and not for Anwar. I think Anwar is the wild card and he brings the voice of a free and fair Malaysia. For all its people.

Malaysia has grown up. Maybe UMNO/MIC/MCA and others of the ruling coalition need to grow up too.

My advice is for you to sit back and enjoy the show!

Best regards and good health.

Mikey

By jebonAuthor Profile Page on August 27, 2008 2:08 PM

Salam tun..

memang dijangka stor kunyit tu menang tapi bersediakah UMNO dan BARISAN untuk terus dilanda gelora Tsumani.. Fikir-fikirkan lah wahai ahli UMNO..satu lagi tun saya ada satu cadangan tentang sumpah saiful yang banyak kebanyakan orang tak percaya..apakah kita bawa saiful dan rompongannya bersumpah laknat di depan ka,baah di masjidil haram mekah..kepada tun sila komen

By sktan on August 27, 2008 2.08 | M

Salam Ayananda Tun,

Itulah yang saya nyatakan dalam blog [malaysiatoday](#) (dikenali sebagai Justice bao), berhubung para 5&8 Ayahanda Tun.

Jika Bukan BN menyalahguna kuasa, seperti menguna taktik yang kotor,hulur wang, jentera2 kerajaan dan sebagainya, untuk menhadapi DSAI, HILANG AKAN WANG PERTARUHAN (DEPOSIT) BN. ITU TETAP.

MANA ADA PILIHAN KECIL BN KALAH SETERUK INI.

BANGKITLAH DOLL-LAH BODOHWI, BANGKIT DARI KERUSI PM. KERUSI INI BUKAN UNTOK KAMU. KAMU TIDAK LAYAK. TURUN DENGAN SERTA MERTA.

Semoga Allah Panjangkan Usia, Kesihatan serta Kekuatan Kepada Ayahanda Tun Supaya Terus Berjuang Untuk Rakyat Malaysia.

By spocket on August 27, 2008 2:08 PM

TUN,
tolonglah kembali...
kami merindui anda

By AishahBoesAuthor Profile Page on August 27, 2008 2:09 PM

Tak terasa langsung nak sambut Merdeka tahun ni....ke mana hala tuju Malaysia....
By ezaad69 on August 27, 2008 2:09 PM

Malangnya orang melayu bila orang-orang UMNO semuanya sudah jadi penakut, tidak berani bersuara dan kebanyakkan mereka hanya mementingkan diri sahaja. Melayu sedang menuju ke zaman kegelapan, saya sedih. Inilah akibatnya jika kita alpa, hidup terlalu senang dan mengambil mudah semua perkara. Inilah juga akibatnya bila kita gagal mendidik anak-anak kita erti kemerdekaan.

By e1 on August 27, 2008 2:09 PM

I'm the first to comment?????

Salam Tun yang dikasihi.

Saya pun skrg tak tau nak kata apa yang terjadi pada negara ini setelah Tun tak jadi PM. Kalau boleh nak Tun ambil balik jawatan PM dan tolong settlekan semua kekusutan yang berlaku skrg.

Saya tak sanggup negara ni jadi Malaysia Malaysian
Saya tak sanggup tengok negara islam ini tergadai.
Saya tak mau tengok negara ini mengikut telunjuk Yahudi, US, dan yang perkauman.

Apa yang saya nampak sekarang ada orang yg cuba pusingkan fakta sejarah negara ini dengan mengatakan semua salah UMNO.

Saya sedih keadaan ini terjadi.
Setiap hari saya berdoa agar negara ini aman, dan org2 Melayu diberi tunjuk jalan yang benar dan bersatu kembali bagi menjaga hak2 yang telah 50 tahun kita pertahankan.

Saya doakan Tun dan Seri Hasmah akan teruss sihat dan kembalilah perbetulkan keadaan negara ini.
Amin :)

By zakiAuthor Profile Page on August 27, 2008 2:10 PM

Asalamualaikum TUn,

finally i'm the first... MUHAMMAD ZAKI BIN ROOSLI. Mmg mengejutkan kemenangan besar DSAI.... apa yg sy jangkakan kemenangan ttp kepada DSAI ttp dgn majority yg kecil.. namun apa yg terjadi adalah diluar jangkaan. Sangkaan sy mungkin selepas pengalaman PRU ke 12 BN akan berjaya memulihkan sokongan rakyat, tetapi nampaknya jawapan sebenar telah pun kita semua ketahui, dan kita semua sedia maklum ada suatu batu penghalang yg besar berada didalam BN yang perlu kita alihkan....

By NeoVVL on August 27, 2008 2:10 PM

saya amat bersetuju dengan kaka kata tun. tetapi saya ingin menarik perhatian tun bahawa dengan hanya berkata di laman blog ini tidak membawa apa makna kepada PM sekarang.

sudah tiba masa nya kita menyelamatkan NEGARA kita ini dengan membuat bantahan atau protes yang lebih bermakna untuk menuntut pucuk pimpinan negara sedar serta mengetahui dengan jelas bahawa rakyat malaysia menolak sama sekali kepemimpinan DSAAB.

Mungkin cara yang sama protes yang berlaku di Thailand?

Saya juga ingin menyeru kepada TUN DR MAHATDIR supaya SEGARA BERTINDAK ke ARAH YANG LEBIH SIGNIFIKAN UNTUK MENGHALANG MALAPETAKA-MALAPETA YANG BAKAL BERLAKU SEKIRANYA DSAAB TERUS MEMERINTAH ATAU DSAI MULA BERKUASA.

Perjuangan yang tidak akan selesai.....

By dinpj on August 27, 2008 2:10 PM

Salam kpd Tun Sekeluarga dan Kepada Semua Pembaca.

Fikirkan lah apa akan jadi kpd Malaysia. Ini lah akibatnya jika Pemerintah LEMAH mogakita rakyat Malaysia aman damai. UMNO tolong buat sesuatu jgn sampai lemas.

By kemboja on August 27, 2008 2:10 PM

Dear Ayahnda Tun, What can we say!? But I feel so devastated, so sad, and so lost (for words) when the Permatang Pauh by-election results were announced last night. Is this what the rakyat want? Isn't there anything we/you can do to save our beloved Malaysia.

By e-man@mmu on August 27, 2008 2:11 PM

salam

saya amat bersetuju dengan apa yg dikatakan oleh ayahanda tun..

keputusan pilihanraya yang diumumkan semalam mencerminkn rakyat semakin menolak kepimpinan pak lah...

saya selaku mahasiswa sendiri telah melihat betapa tingginya kebencian mahasiswa2 dan mahasiswi2 melayu terhadap kerajaan..

kemenangan anwar pada pilihanraya semalam disambut gembira oleh golongan2 ini..

pada masa yang sama,kerajaan pada hari ini pada mereka dilihat mempunyai pelbagai kelemahan.. pada mereka dato anwar adalah segala-galanya...

mereka amat menyanjungi beliau...

mereka mungkin lupa atau sengaja buat tidak nampak apa yang diinginkan oleh anwar iaitu manghapuskan keistimewaan orang melayu dan sanggup berbuat apa saja untuk mencapai cita2 beliau untuk menjadi pm...

saya amat berharap kerajaan hari sedarlah,

buatlah sesuatu sebelum kemerdekaan yang kita kecapa selama 51 tahun ini akan tergadai dek ketamakan anwar untuk menjadi perdana menteri...

kepada ayahanda tun sekeluarga,semoga sentisa sihat dan dirahmati oleh Allah swt agar terus dapat memimpin rakyat yang semakin menderita.....

salam

By jurublogAuthor Profile Page on August 27, 2008 2:11 PM

Anwar tampak sungguh angkuh semasa menjawab soalan wartawan malam tadi. Dia akan menunjukkan dirinya yang sebenar tidak lama lagi.

Pak Lah pula masih berdiam diri hingga tengahari ini (dumb silence, not elegant silence). Habis lah UMNO selagi Pak Lah masih begitu.

www.jurublog.blogspot.com

By Che Man on August 27, 2008 2:11 PM

Salam Tun,

Benar sekali apa yang diperkatakan oleh Tun itu. Rakyat sudah bosan dengan tindak-tanduk pemimpin UMNO dan BN, sebab itulah majoriti undi untuk DSAI meningkat.

Pemimpin UMNO mungkin akan buat kenyataan "self consolation" - Permatang Pauh kubu atau lubuk DSAI...patutlah dia menang. Tapi saya rasa bukan itu hakikatnya.

Malanglah UMNO jika maksud tersirat rakyat ini gagal ditafsir dengan betul oleh UMNO...terutama presidennya yang tidur sahaja.

By rizal on August 27, 2008 2:11 PM

Assalamualaikum Tun,

Thank ou for throwing your briliant ideas and thought in this blog.

Saya cadangkan Tun menukuhan parti baru yang di pengurusikan olen Datuk Mukhriz sendiri dan Tun sebagai Penasihat. Saya Pasti ramai yang akan menyertai parti baru ini.

Tolonglah kami Tun, dah tak sanggup dengan P.Lah ni.... Kalau DSAI naik lagi HANCUSS Malaysia ni.... another PM wanabe (KJ).. lagi kaputt dibuatnya...

permatang pauh kubu kuat PKR, selagi Pak Lah dan konco-konconya syok sendiri selagi itulah BN akan tak dapat sokongan rakyat.

apa nak jadi tun dengan kerajaan sekarang..kalau bahasa kurang ajar, mereka ini 'bodoh sompong'
By Amry on August 27, 2008 3:07 PM

Anwar menang bukan kerana sokongan, Anwar menang kerana rakyat menolak pak bodola yang bodoh dan masih tidur lagi...

letak jawatan segera.....

By wokyoh on August 27, 2008 3:07 PM

SALAM PERJUANGAN BUAT TUN YANG DIKASIHI

1) tun pertama kali kata kat paklah tak ada telinga dan tak ada mata atau dengan kata lain yang lebih biadap lagi... "mu ni paklah..mu buta dan mu tuli ke???...aku nasihat mu tokse dengar..."

2) memanglah paklah ni tak ada mata, telinga, hati, otak.... dia nak tunggu umno BN hancur baru nak turun..... tengok la dia kelmarin...najib berpeluh, terkencing terberak kat permatang pauh...dia buat muka selamba je... jumpa dan sembang-sembang dengan sultan Brunai...macam tak ada apa-apa....

3) esok...anwar akan angkat sumpah di dewan...dan harapan saya...setelah acara angkat sumpah selesai..anwar akan jadi ketua pembangkang...dan saya cadangkan semula usul undi tidak percaya pada paklah ni dikemukakan semula oleh anwar....kita tengok orang yang lepaskan beruk yang dirantai dulu...akan digigit beruk yang sama esok...buat lagi kerja bodoh dan gila tu lagi...

4) Buat najib pula...buatlah sesuatu...kalau kamu lambat...kamu juga akan digigit beruk yang sama... dan mungkin luka kamu akan lebih dalam nanti...

5) untuk MP rembau...bersiap-siap la kamu mulai esok...jumpa la kamu buku dengan ruas.orang jahat bertemu dengan orang jahat...pasti yang paling jahat akan menang..

wokyoh...

By AloQStaQAuthor Profile Page on August 27, 2008 3:08 PM

Tun Ayahandaku!

Sudah jelas isyarat pengundi untuk kali kedua tahun 2008!

Apa yang TUN katakan sebelum ini terbukti tepat dan tidak tersasar.

Kenapa tahun 2004 dulu beza majoriti adalah kecil berbanding belasan ribu beza majoriti berbanding Mac 2008 ?? Dan majoriti meningkat perbezaannya pada Ogos 2008 (Pilihanraya Kecil)?

Bukti sokongan rakyat kepada BN/UMNO telah jauh tersasar.

Rakyat yang dulunya memangkah BN kini telah "dengan terpaksa" memangkah PKR demi menjatuhkan AbDolah – BUKTINYA telah dua kali pilihanraya – [1] PIIHANRAYA UMUM 2008 [2] PILIHANRAYA KECIL OGOS 2008.

Jumlah % keluar mengundi hampir sama kedua-duanya : tetapi BN semakin terhakis majoritinya!!!! ... Ini jelas. Bandingkan sewaktu AbDolah baru memegang jawatan PM (Rakyat masih menaruh harapan tinggi kepada "Mr. Clean" kononnya!) ... Margin majoriti 2004 vs PRU2008 & PRK-Ogos2008 MEMANG KETARA.

Bukti yang pemimpin parti BN tersebut telah mula dibenci, sebenci-bencinya oleh rakyat.

TurunLAH Abdolah dari kerusi PM dan Presiden UMNO dengan SEGERA!
Parti akan pulih (InsyaAllah) selepas AbDolah get lost!! ...

AloQStaQ

<http://AloQStaQblog.blogspot.com>
<http://www.myKMUTara.net>
By purplewinter on August 27, 2008 3:08 PM

Salam Tun,

As expected. Wasnt shocked at all. Keep on writing Tun...
We need you!
By khalid on August 27, 2008 3:09 PM

Assalamualaikum Tun. Semoga Tun sihat. Bagi saya, PM adalah ikon sesebuah negara.
By gee on August 27, 2008 3:09 PM

A' kum Tun,

Cam biasa lah ... Pak Lah masih lena dan tak dapat meneka mesej yg hendak disampaikan atau buat2 tak paham..

Salam
By Offshore Representative on August 27, 2008 3:09 PM

8. Mesej yang hendak dihantar oleh pengundi Melayu, Cina dan India menjadi sia-sia kerana Dato Seri Abdullah tidak ada telinga untuk mendengar, tidak ada mata untuk melihat.

I love this damm true !!
By cikokui on August 27, 2008 3:09 PM

MMG itu yg saya jangkakan. Kalau Menang, Abdullah akan mengakui rakyat sudah menyokongnya kembali dan mungkin dia tidak akan letak jawatan pada 2010 nanti. itu yg paling dinanti-nantikan. nasib baik kalah..

Negara dh semakin huru hara dengan Abdullah. tambah Anuar, bertambah huru haralah jawabnya...
By ikanbilismoh on August 27, 2008 3:09 PM

ASSALAMUALAIKUM TUN....

TUN KAMI SEMUA SEDAR AKAN APA YANG TUN PERKATAKAN... TETAPI ADAKAH DENGAN MENULIS DAN MENERANGKAN KEADAAN SEBENAR TANPA BERTINDAK AKAN MERUBAH SEGALA-GALANYA....

KITA PERLUKAN TINDAKAN DARI AHLI-AHLI BIASA DAN PERLUNYA ADA PIMPINAN YG MEMIMPIN KE ARAH TINDAKAN TERSEBUT....

TETAPI YG BERKUASA DAN MEMPUNYAI KEPENTINGAN TIDAK AKAN BERTINDAK KERANA MENJAGA PERIUK NASI

SENDIRI....

ADAKAH TUN SANGGUP MENULIS DAN MENCERITAKAN SEMUA INI KEPADA PEMBACA PEMBACA TANPA SEBARANG TINDAKAN...

TINDAKAN AKAN MERUBAH SEGALA-GALANYA... TIDAK HANYA TAHU MENULIS SAHAJA TUN.... KAMI PERLUKAN TINDAKAN....

FIKIR-FIKIRKANLAH TUN... DEMI BANGSA AGAMA DAN NEGARA...

KAMI PERLUKAN TINDAKAN BUKAN SEKADAR BERKATA-KATA..

SEKIAN... TUN

By tbull on August 27, 2008 3:10 PM

First of all, my well wishes to Tun and your family.

It has been a turbulence year for all Malaysian, laughter aside, there is a lot of pain to see our country splited with the March 8 election. As always, there are two faces to a coin but what is painful to watch is how we have focused too much on an individual and not much as a country.

There is hardly any progress in the last 5 years and I do not want to comment on any individual performance, but the whole government machinery is not, the cabinet especially, do not seem to put the country interest first.

Every mistake made by the government is seem to be swept under the carpet, just like government officil who were found guilty or are under investigate for corruption, are just transfer to a new department. This resemble the same culture, if I may say so, how the Prime Minister has always call for close door meeting with his cabinet over the call for his resignation, then came out with a whole cabinet strongly stood behind him. There is no award for this.

The whole country is already getting tire of all the inability for the country top decision maker to make sound and just decision.

Where do we go from here?

By muhammadsayyid on August 27, 2008 3:10 PM

mmg dah terjangka... tapi pepatah melayu ada menyebut ' kalau takut di lambung ombak, jangan berumah di tepi pantai'.. so kita kena berani untuk menghadapi ulah anwar dan pak lah lepas ni.... teori-teori konspirasi dah macam2 dah duk denga.. so la ni kita tunggu dan beraksi.. jgn lihat saja...

By stembroll on August 27, 2008 3:10 PM

salam tun,..

saye org yg paling sedih bila tau kemenangan anwar dalam plhanraya kecil permaang pauh smalam,... memang betul rate2 org menolak anwar tetapi dalam mase yg sama org mahu menolak pak lah,... saya hidup dalam era tun daripada saya lahir sampai la saya dewase,... x penah rase keadaan politik yg huru hara mcm nie,... saya harap tun akan balik smule ke dalam umno bagi mmbantu memulihkan keyakinan rakyat,... semoga tun berada dalam keadaan sihat sejahtare,... salam,..

By Noor Faiza on August 27, 2008 3:10 PM

Salam Tun,

Saya sangat bersetuju dengan kenyataan Tun di atas. Jika saya pengundi di Permatang Pauh, sudah tentu saya termasuk dalam 35% pengundi yang tidak keluar mengundi semalam.

Ini kerana saya tidak boleh terima Anwar tetapi saya lebih bencikan Abdullah Badawi.

Lee Chong Wei yang tidak dapat pingat emas untuk Malaysia di Beijing pun saya rela daripada dapat pingat emas dan terus dipolitikkan Abdulah Badawi.

Sedarlah Abdullah Ahmad Badawi. Kami rakyat Malaysia muak sungguh dengan anda!!!

Ahli UMNO sila tunjukkan pintu keluar untuk Abdullah Badawi!!

By Alias Author Profile Page on August 27, 2008 3:10 PM

Hanya Penjara boleh menyekat suara Anwar.

Seperti yang kita saksikan di pilihanraya kecil Permatang Pauh, BN telah menggerakkan usaha bersekala besar bagi mematahkan kemaraan Anwar ke Dewan Parlimen.

Berbagai-bagai usaha telah dilakukan oleh BN bagi menyekat Anwar memenangi pilihanraya kecil Permatang Pauh yang keputusannya mungkin boleh diketahui awal malam ini (26 Ogos 2008), termasuklah tuduhan-tuduhan yang mungkin diada-adakan dan direka-reka bagi menjatuhkan kredibiliti Anwar, dari kes liwat hingga ke kes rasuah.

Walaupun tuduhan-tuduhan itu belum dibicarakan dan belum diputuskan oleh makamah, tetapi ia sudah cukup untuk mengoyahkan kepercayaan orang ramai terutamanya pengundi di Permatang Pauh terhadap kewibawaan Anwar.

Kelantangan dan kepetahan Anwar sangat digeruni oleh kerajaan BN yang memerintah, oleh itu BN ada sebab yang kuat untuk cuba sedaya yang mungkin bagi menyekat Anwar dapat bercakap di Dewan Parlimen.

Melihat kepada sambutan pengundi-pengundi di Permatang Pauh hari ini yang memberansangkan kepada Anwar memang sukar untuk BN menang dalam pilihanraya kecil itu. Nampaknya usaha melalui cara demokrasi memang BN tidak dapat menyekat kemaraan Anwar ke Parlimen.

Pilihan yang ada kepada kerajaan BN selepas ini bagi menyekat Anwar ialah dengan menggunakan penjara dan makamah sahaja. Kita tidak berasa pelik kalau selepas ini kerajaan BN akan menggunakan BPR, makamah dan polis untuk menahan Anwar dalam penjara bagi kesalahan yang diada-adakan atau direka-reka.

Dalam masa yang sama kerajaan BN juga sedang dan akan menghadapkan beberapa orang wakil rakyat dan wakil parlimen dari Pakatan Rakyat ke makamah atas kesalahan rasuah dan salah laku seks yang sengaja diada-adakan dalam usaha untuk menghilangkan kelayakan mereka menjadi wakil rakyat dan wakil parlimen.

Apabila ramai wakil rakyat dan wakil parlimen dari Pakatan Rakyat hilang kelayakan, maka bertambah sukarlah Pakatan Rakyat untuk membentuk kerajaan seperti yang telah dirancang oleh Anwar sebelum ini.

Taktik memenjarakan Anwar yang digunakan pada tahun 1998 mungkin akan berulang lagi. Hanya tembok penjara saja yang dapat melenyapkan suara Anwar.

By arique_timur on August 27, 2008 3:10 PM

Saya memang setuju dengan apa yang TUN katakan.... sampai bila UMNO dan BN akan kalah?BN dan UMNO perlukan nafas baru serta memerlukan seorang ketua yang terbaik seperti TUN... apa yang saya lihat sejak TUN melepaskan jawatan presiden dan perdana menteri, banyak masalah yang timbul dalam parti dan juga negara Malaysia... kita dapat lihat sekarang DAP besar kepala bersama-sama DSAI yang ingin membala dendam terhadap seluruh musuhnya.... saya berharap agar TUN boleh menyelesaikan masalah seluruh rakyat Malaysia dan terangkanlah pada semua bahawa PKR (Parti Kelentong Rakyat) ni memang akan memecah belahan seluruh kaum melayu serta agama islam.... kami berharap tun dapat membantu kami semua yang akan ditindas di Pulau Pinang oleh parti komunis ini....

By baniADAM on August 27, 2008 3:10 PM

Salam Tun,

Tak payah tunggu PRU13, kalau Tun buat parti baru skrg, saya pasti keahlian UMNO akan merudum mendadak & yg tinggal mungkin tak sampai 1/3..... & saya pasti kebanyakannya part2 komponen dlm BN akan lompat ikut Tun..... kpd ahli2 UMNO tolonglah buat yg terbaik utk parti sebelum terlambat.... Pak Lah Must Step Down For Good!!!

By saif on August 27, 2008 3:11 PM

Tun;

My family was a hard core UMNO supporter , right from our grandfather and mother, my uncle and aunty , my dad ,my mom , my brothers and sisters (8 of us) . But then again , to tell you the truth (i can swear if you would like to hear) , we dishearted with UMNO. We give our vote to the opponent last election because it is too painful to see how the goverment (UNDER PAK LAH) rule the country . Even my mom who dont know much about politic decided to vote for opponent .

By samuraiimelau on August 27, 2008 3:11 PM

Salam AYAHANDA RAKYAT TUN,

Izinkan,

Kami ingin mengingatkan kepada pemimpin2 politik Tanah Air yang berdaulat ini.

Hanya pemimpin yang berilmu dan bersifatikhlas, suci, jujur dan benar sahaja boleh duduk di KERUSI pejabat PUTRAJAYA.

Bergurulah dengan Ayahanda Tun bagaimana hendak mengemudi 'BAHTERA MERDEKA diPutrajaya supaya mendapat berkat ILAHI menyempurnakan amanah BANGSA dan NEGARA berpaksikan RUKUN ISLAM dan RUKUN IMAN dan berkiblatkan KA'ABAH ditanah suci Makkah.

Itulah amalan keramat yang ditinggalkan oleh Ayahanda Tun kepada pemimpin pewaris generasi

mendatang.

Mohon ampun dan maaf Ayahanda yang dikasihi, gerak naluri tidak boleh kami nafikan.

Alfatihah, Amin yaarobbal alamin.

By kiis on August 27, 2008 3:11 PM

Good comments and idea from Tun. Hope Abdullah understand on his situation right now.

Thanks Tun

By annizc on August 27, 2008 3:12 PM

Salam TUN

Dah dijangka DSAI akan menang seperti yang TUN war-warkan dulu..

By owlz on August 27, 2008 3:12 PM

Assalamualaikum Tun... Rindu Tun... HHHEEEHHHHEE...

UMNO should tackle all the internal issues now than later.

First, clean up the system, throw out the corrupted people.

During the collapse of the USSR in 1991, there was a story
aboouuutt.... corrupt-conservative communist regime.

Does our motherland Malaysia must be like that??!!

Once you corrupt and abuse the power, the Rakyat will
hate you, even the Rakyat predecessor, their children
also!!! Disumpah lakanat!!!

Dictators can speed up things in direction of their thinking but
when we have the LEMBAB leaders like Pak Lah not a brilliant
like you Tun, our beloved motherland Malaysia will destroy.
Those corrupted leader will rape our country!!! Shame
on them!! The Permatang Pauh Rakyat have shown what's their
message but Pak Lah is PEKAK enough to listen to the Rakyat.

p/: Salam from the University of Malaya supporters of Tun.
Assalamualaikum... Jaga diri bebaaiikk taauu... Tun, you
are the man!!!

By alienaet on August 27, 2008 3:12 PM

Di manakah kematangan rakyat Malaysia memperjuangkan demokrasi? Emotion has clouded their reason. Menganggap Anwar Ibrahim sebagai hero penyelamat sedangkan Anwar hanya bersifat populis dan evasive dalam berkata-kata. Bila rakyat Malaysia nak sedar yang sebenarnya mereka hanya bersandarkan pada harapan yang palsu?

Mungkin pandangan Tun benar yang Dato Seri Abdullah perlu turun segera tapi, kalau rakyat Malaysia sendiri belum lagi matang dalam memperjuangkan demokrasi, it's going to be a vicious cycle. We are not solving the problem but rather than just delaying the problem.

Apart from ahli UMNO yang perlu sedar dan pucuk pimpinan Dato Seri Abdullah perlu ditamatkan,

Malaysians SHOULD realize that we need to be more rational in understanding the situations rather than being clouded by emotions.

My two cents...

By JimmyHillhead on August 27, 2008 3:12 PM

Sir,

Salam to you & TDH. As usual, I pray to ALLAH SWT to continue showering both of you with wisdom & good health.

Malaysia need you. Malaysia is in dire need of your help. Malaysia is in dire straits for your guidance & future direction.

I am totally agreed with your view. We shall no longer hope for DSAAB + KJ to revive UMNO & BN. We shall not wait.

I am also agreed with you that DSAAB shall relinquish all his post in UMNO & government.

If we keep on waiting, we shall be pariah at our own motherland. Such action may have dire consequences.

I hope all the UMNO's people shall read the sign before it is too late.

Cheerio.

By Faizal LatiffAuthor Profile Page on August 27, 2008 3:13 PM

apa nak jadi...

budak2 muda sebaya saya dipergunakan...

bawak bendera PKR naik moto macam ada pesta...

semua gembira...

tapi mereka ini x sedar..

akhirnya kita yg akan terluka..

harapan malaysian???

we need you again TUN....

By Mkb on August 27, 2008 3:13 PM

Salaam, Tun, moga Allah swt meredhoi segala keikhlasan Tun, disertai dengan semangat juang yang kental untuk bangsa, ugama dan Negara yg di tunjukan Tun kpd kami yang tidak pernah luntur.

Benar lah apa yang dijangka telah pun menjadi kenyataan hari ini, Anwar menang.

Tapi SiDollah masih buta HATI ,PEKAK dan ahli ahli UMNO yang menjadi pak turut ikut sama terjun memberi sokongan yang tidak berbelahbagi padanya. PENGECUT.

Walaupun kami TIDAK mempunyai ijazah yg tinggi untuk memgenali dan menganalisa punca sebenar kekalahan BARISAN NASIONAL dan HILANG sokongan ahli ahli UMNO sendiri,BACA lah message message kami.Bukan lah niat kami menolak BARISAN NASIONAL tapi itu lah SATU nya saluran kami menyampaikan MESSAGE kepada SiDollah.

TUHAN berfirman dalam kitab sucinya.....matikan EGO kamu kerana ianya akan membinasangkan kamu.....Hati manusia ini keras macam batu itu juga memberikan ruang bagi ayer mengalir di celah celah rekahannya tapi hati manusia ini lebih keras lagi.

Pada siDollah kami memyeru beri lah sedikit ruang kepada kami..dengar lah rintihan raayat jelata.Cukup lah kami menderita selama beberapa tahun ini ..berhentilah SEGERA.. supaya UMNO dapat di pulihkan segera. Kamu tidak lagi MAMPU memmulihkan nya.

Tun, kami mohon nasihat Tun bagi mencari saluran dan cara kami memperkuatkan UMNO kembali, kami tidak mengundi DECEMBER ini.Zamam Tun menjadi Perdana Menteri, dahulu kami hidup aman dan sejahtera.Kami tidak kenal pada KETAKUTAN yang kami alami kini

Kami tetap akan memberi MESSAGE protes kalau ahli ahli UMNO masih menyokong pucuk pimpinan yang ada kini, ingat DECEMBER IS YOUR LAST CHANCE, kalau nak tunggu pilihanraya ke 13 nanti, tentunya rugi besar nanti(Pemantang Pauh tu MESSAGE LE...BODOH...BUTA..EGO..)Tun, apa yang Tun luahkan itu mendapat perhatian penuh kami.

We are the silent Majority. YOU are OUR REAL leader .Bukan Si EGO..
EGO...EGO...EGO...BUTA HATI..BUTA HATI. PEKAK .Enough is enough. Salaam kami pada keluarga Tun. wslm
By @zah on August 27, 2008 3:13 PM

Assalamualaikum..
Moga rakyat Malaysia sentiasa dlm keredhaanNYA.. Amin Ya rab...
By Rozy on August 27, 2008 3:13 PM

Yang Dikasihi Tun Dr.Mahathir seisi keluarga , Ya ,..memang benar apa yang Tun tulis..kami rakyat bersetuju benar... Buatlah apa yang patut untuk menurunkan Pimpinan Dato Seri Abdullah n keluarganya. Puncanya Tun...Abdullah Shah yang membebaskan Anuar Ibrahim dari penjara...bermula dengan HINDRAF, Majlis Peguam, biasiswa non bumi meningkat 45%...DAN APA LAGI LEPASINI? Letihlah orang Melayu..terlalu tunduk kpd ketua yang tak berdaya memimpin! Doa dan diikuti usaha..JIHADLAH Orang Islam untuk masa depan generasi akan datang!

By manrazie on August 27, 2008 3:13 PM

Assalamualaikum semua.. inilah kemahuan rakyat,satu perubahan.Kita akan menghadapi perubahan besar sedikit masa lagi.Saya ingin menyatakan pendapat saya secaraikhlas bahawa tiada masa lagi untuk BN memulihkan reputasi,rakyat secara total menolak kepimpinan sekarang...sudah tiba mereka (BN) mempersiapkan diri untuk menjadi pembangkang..

By reimy on August 27, 2008 3:14 PM

assalamualaikum Tun, inilah yang saya tunggu, komen Tun tentang by election Permatang Pauh..
1. Memang sudah dijangka, Anwar pasti menang. Beliau bertanding di kampung sendiri, tempat beliau nak untuk jadi menteri dulu.
2. BN tak mungkin menang, PRU lepas dah kalah teruk tanpa Anwar, kini Anwar sudah bertanding lagilah kalah.
3. waktu kempen media akan terus belit tunjukkan BN ada harapan untuk menang, bila dah kalah bagitau demokrasi terus unggul di negara ini. patutnya tulis kenapa Anwar menang dan BN kalah.
4. Sokongan pada Anwar memang hebat, semua kaum bersama-sama berkempen baik cara baik atau jahat. Samseng, pukul orang, merusuh lain cerita.. janji anwar menang dan peluang untuk beliau jadi PM

akan lebih cerah.

5. Kini Anwar akan kembali ke Parlimen dan jadi ketua pembangkang. Tak pasti kerajaan sekarang boleh ke nak lawan beliau di Parlimen kelak. Rakyat akan menunggu adakah PR akan memerintah dan manifesto mereka akan dilaksanakan. pastinya PKR akan jadi parti dominan dalam PR, macam UMNO dalam BN. Tapi PKR parti berbilang kaum dan harap-harap nasib Melayu akan terus diperjuangkan.

6. Mungkin rakyat ingin melihat Malaysia ditadbir oleh parti lain bukan BN. Kalau teruk tukar semula waktu pilihanraya.

7. UMNO perlu bermuhasabah mengapa rakyat menolak mereka dan mengapa sokongan lebih kepada PKR.

8. Nampaknya 'Harapan Baru Untuk Malaysia' makin cerah. Paklah dan kawan2 kena bersedia untuk perang yang lebih mencabar, jika perlu ditukar jeneral atau senjata baru, lebih baik disegerakan. jika tidak bulan depan Putrajaya perlu ditinggalkan dan penghuni baru akan tiba.

9. kepada Anwar tahniah, gelanggang telah tersedia dan rakyat tidak sabar menanti tindakan anda seterusnya.

10. Adakah Paklah akan terus berdiam???

By downhiller on August 27, 2008 3:14 PM

MELAYU MUDAH LUPA!

UMNO mesti diteruskan dgn kepimpinan baru. Its time for u to go PAK LAH. Please go!

Semua ahli UMNO, sudah masanya untuk kita bertindak.

By cat_7182 on August 27, 2008 3:14 PM

DSAB can't you see?!You're ruining the country!

Tun, please do something!anything!save Malaysia!

Take care Tun..God bless you

By anakmalaysia on August 27, 2008 3:15 PM

Ya, Ayahanda Tun,

You are correct like always. Saya setuju 100%. Sedih melihat Negara Malaysia Sekarang. Kalau Ayahanda baca malaysiakini.com. lagi sedih. Orang melayu sendiri seperti saudara Azly comment tentang MARA dan MRSM. Sedih saya kepada pemuda yang bersekolah dalam institusi ini tapi menganggap melayu sendiri adalah kaum racist. Mereka mahu keterbukaan dalam semua aspek. Tapi tidakkah mereka-mereka ini ketahui akan kesan yang mendatang disebabkan pemikiran yang sedemikian???????

Ayahanda teruskan usaha Ayahanda kami akan sentiasa mendoakan Ayahanda. Semoga terbukalah hati mereka yang prihatin terhadap Negara ini untuk menyelamatkan kita semua dari bencana yang mungkin akan menimpa kita kerana kecuaian bangsa kita sendiri.

Semoga Allah lindungilah kita semua.

By chickenfeet on August 27, 2008 3:15 PM

Salaam sejahtera buat Tun,. Dr Siti dan keluarga...moga Allah merahmati kami semua dan diberi Hidayah utk membangunkan ummah.. InsyaAllah

By kerambit pusakaAuthor Profile Page on August 27, 2008 3:15 PM

emm... part true and part false.... <http://halalonline.blogspot.com>

By believer on August 27, 2008 3:15 PM

salam kepada semua...

ya.. seperti yang dijangkakan.. BN kalah lagi.. saya lebih ingin menekankan tentang pihak yang kalah daripada pihak yang menang.. bukan kerana saya penyokong setia pihak yang kalah.. tetapi kerana saya sedih melihat mereka ini masih enak diulit mimpi-mimpi indah yang mereka cipta sendiri.. ya, benar.. mereka ini tiada telinga untuk mendengar dan tiada mata untuk melihat.. kalaupun ada mungkin mereka telah lama lupa bagaimana untuk menggunakannya... dek kerana terlampau angkuh dan bongkak dengan kuasa yang ada sejak sekian lama.. dan ya, jika mereka terus begini, maka kuasa yang ada itu akan hilang juga tidak lama lagi..

sekarang.. apa yang boleh kita lakukan.. sebagai rakyat.. rakyat kecil.. kita tunggu dan lihat sama ada yang menang itu akan menunaikan segala janji manisnya.. mungkin?

By adilazami on August 27, 2008 3:15 PM

TUN... apa kan jadi terhadap UMNO???. Melayu???

By OukAuthor Profile Page on August 27, 2008 3:16 PM

Assalamulaikum Ayahanda Tun DR M

Apa yang Ayahanda Tun cakap memang ada benarnya. Tapi sebagai akar umbi dalam parti yang amat setia pada parti agak sukar mengeluarkan kata-kata dan memberi pandangan kerana telah disekat oleh mereka-mereka yang berkepentingan dalam parti.

Ouk pun baru-baru ini cuba nak mebangkitkan isu-isu terkini tentang parti UMNO dalam mesyuarat cawangan tetapi telah dihalang oleh mereka-mereka yang Ouk maksudkan diatas.

Mengenai kekalahan UMNO di Permatang Pauh, apa yang Ouk tengok la, ia disebabkan oleh berita-berita yang di siarkan oleh RTM, TV3 dan jugak station tv lain mengenai keburukan dan salah laku Anwar Ibrahim yang mana ini membuatkan rakyat terpikir bahawa station2 tv ini adalah pro pada kerajaan BN. Sebaliknya station TV ini menyiaran berita tentang kebaikan BN sepanjang 10 hari berkempen. Ini membuatkan rakyat Permatang Pauh lagi menyampah ngan BN.

Sekadar satu pandangan akar umbi yang lahir lepas Merdeka dan menjadi ahli UMNO semasa Ayahanda TUN menjadi Presiden Parti.

Ouk

By eider on August 27, 2008 3:16 PM

akum tun, lagi sekali saya coretkan. saya dulu 20 tahun yang lepas adalah anak petani yang kerjanya di bendang dihadapan rumah tun di titi gajah. setiap kali saya naik moto, apabila melalui rumah tun saya berjanji akan belajar dengan tekun. tunlah idola saya.

setiap kali hari raya hari, saya dan rakan-rakan kayuh besikal dari pantai johor ke rumah tun. apabila dapat salam tun, hati saya sgt berbunga. bagi saya, dapat jumpa dengan tun pun... seronok rasanya dengan dapat duit raya 50 sen.

dulu saya tertanya pada hati saya.. kenapa tun tak bangunkan kawasan bendang di rumah tun.. dulu saya cakap tun tak adil pada kami yang menetap di alor setar. tun byk bawa pembangunan di langkawi dan kl. segar lagi dalam ingatan saya yang dulunya dari airport ke rumah tun pun takda lampu jalan sehingga 2-3 tahun sebelum tun mengundur diri sebagai PM baru ada lampu jalan dan jalan dilebarkan dari airport ke rumah tun.

kini, saya baru terasa bagaimana pengorbanan tun utk kaum melayu khususnya. saya dapat melanjutkan

pendidikan ke menara gading hasil usaha saya sendiri tetapi impian itu tak akan terjadi kalau bukan kerana bantuan dari kerajaan pimpinan tun.

semasa saya kerja di seberang perai, saya pergi solat jumaat di masjid seberang perai. masa itu tanpa disangka, tun berada di masjid berkenaan. dan saya telah bersalam dgn tun... saya berkata dekat tun yang MELAYU TAK PERNAH LUPA... pada masa yang sama, tun memandang muka dengan wajah yang seolah-olah buktikan pada tun yang melayu tak pernah lupa... sekarang alhamdulillah,, saya telah insan yang berjaya. jasa tun untuk rakyat malaysia sangat besar.

ketika saya coret. saya mengalirkan air mata tanda terima kasih pada tun. tak semestinya anak petani.. akan jadi petani selamanya juga. kini kami adik-beradik telah berjaya dengan kerjaya masing-masing doc(specialist), engineer, bussinesman etc. terima kasih tun sekali lagi.. jasamu tetap ku kenang selamanya..

By mat_SAMANN on August 27, 2008 3:18 PM

Salam, Tun.

Begitu tepat dan berasas sekali akan pandangan Tun. Pada pendapat saya, memang eloklah Pak Lah cepat berundur sebelum Nasi menjadi bubur... sebelum menang sorak kampung tergadai... sebelum jati negara malaysia tercinta hanya tinggal badan sahaja tanpa roh melayu....

Teruskan perjuanganmu Tun.....

ariosssssss

By chongtam on August 27, 2008 3:18 PM

Tun,

Ya betul.Ya Betul. Mereka patut bukak mata luaih luaih dan germit telinga.

Teruskan Perjuangan Mu Ayahanda Tun

TQ

By Lagos69Author Profile Page on August 27, 2008 3:18 PM

Salam Tun ...

Keputusan pilihan raya Permatang Pauh menunjukan dengan jelas bahawa rakyat telah matang. Rakyat tidak seperti dulu, dibelenggu ketakutan terhadap gertakan kerajaan Barisan Nasional (BN) lebih-lebih lagi daripada UMNO.

Kemenangan Dato' Seri Anwar Ibrahim merupakan isyarat jelas kepada Pak Lah (yang juga Ketua Perhubungan Umno Pulau Pinang, Presiden UMNO dan Pengerusi BN, Perdana Menteri) dan sekutunya (Najib, Hishammudin, KJ...etc) bahawa BN / UMNO tidak mempunyai kredibiliti untuk terus mentadbir negara.

Hidup RAKYAT! MERDEKA DARI PENINDASAN DAN KEZALIMAN BN / UMNO

Tahniah Penduduk Permatang Pauh kerana bijak mengundi DSAI.

<http://impianrakyat.blogspot.com>

By CeRminDiri on August 27, 2008 3:19 PM

Salam Sejahtera TUN dan keluarga.

Apa yang kita lihat kekalahan UMNO adalah ketidak percayaan Rakyat kepada Barisan Nasional. Sewaktu TUN menjadi Perdana Menteri Keadilan hampir pupus kini mereka akan merasa bangga dengan kemenangan demi kemenangan yang perolehi. Siapa harus di persalahkan diatas kekalahan ini? tentu Perdana Menteri ada alasan tersendiri..Nanti kita akan dengar alasan daripada beliau

--tak sanggup nak dengar KOMEN paklah

By nmjnhAuthor Profile Page on August 27, 2008 3:20 PM

Tun,

Walaupun apa yang Tun kata itu banyak kebenarannya terutama kepada ahli UMNO, namun ramai rakyat begitu pasrah dan memilih DSAI kerana pada masa ini, kepimpinan UMNO sangat lemah dan perlu perubahan drastik untuk kembali teguh seperti dizaman Tun dahulu.

DSAI merupakan pilihan terbaik rakyat Malaysia buat masa ini. Bukan kerana beliau yang terbaik, tetapi buat masa ini belum ada tanda-tanda yang BN akan melakukan perubahan drastik kearah kebaikan rakyat Malaysia.

Merdeka dari penjajahan UMNO

<http://blog4pro.blogspot.com/2008/08/elect-anwar-for-nation.html>

By nab38 on August 27, 2008 3:20 PM

askum Tun,

saya bersetuju dgn pendapat Tun, rakyat sekarang amat muak dan jelak dgn sandiwara politik yang dimainkan oleh pemimpin UMNO sekarang yang hanya berminat untuk mengisi poket sendiri.

Saya percaya rakyat malaysia dan orang melayu terutamanya tidak minat dengan kepimpinan DSAI tetapi seperti Tun katakan rakyat mahu menjatuhkan UMNO pimpinan DSAB.

Entah sampai bila sandiwara politik ini akan berterusan sementara rakyat menderita dan hidup dalam ketidak pastian. Apa yang boleh kami buat Tun supaya pimpinan sekarang sedar yang mereka sudah tidak diperlukan lagi.

Kembalikan zaman kegemilangan pimpinan Tun dan zaman kegemilangan Malaysia..tolongla Tun

You are the best Tun...assalamualaikum

By Jebat on August 27, 2008 3:20 PM

YBhg. Tun,

Memang UMNO dan BN sekarang tak mau ambil tau apa kata pengundi. Baik dikawasan saya di Presint 16 Putrajaya, UMNO masih berseronok seolah-olah kini mereka masih di terima ramai. Pilihan raya Mac 2008 Putrajaya mencatat peningkatan sekali ganda dari jumlah terdahulu pada tahun 2004.

saya juga memangkah PAS ses tak senang dengan gelagat serta perangai para ahli UMNO yang berjawatan termasuk pemuda, puteri, wanita. Mereka berlagak seolah-olah rakyat masih mahu menerma mereka walaupun mempamerkan budaya samseng semasa berkempen. Bukan rakyat tidak tahu bahawa BN mengupah MAT REMPIT untuk membawa bendera BN mengelilingi bandar Putrajaya menunjuk-nunjuk kepada orang ramai termasuk di khemah-khemah pembangkang. rakyat sudah jelak dengan perangai mereka ini.

Bila dah menang, semua juak-juak UMNO hilang. Lagi pun kami tak suka setiap kali adanya program bersama rakyat, poster atau banner UMNO dipamerkan. Buat laa program biasa tanpa disokong banner. Ianya boleh melibatkan semua orang. Bila dah tunjuk banner maka yang nak bersama pun angkat kali laa.

Kmi tau sumbangan Dato Onn, Tunku Abdul Rahman, Tun Razak dan Tun sendiri. Tapi tapi kini kami tak mau Tok Lah jadi PM. Pak Lah please step down sebelum terlambat. Dan UMNO kembali ke pangkal jalan. Berkhidmat untuk rakyat BUKAN untuk popular dan mengisi poket sendiri dan kroni sahaja.

Kalau ada pilihanraya kecil di Putrajaya lagi kami berikrar untuk tumbangkan BN. Walaupun terpaksa tunggu tahun 2012, kami tetap mau BN tumbang.

By hang jebat on August 27, 2008 3:21 PM

Salam

Tun...

For me u just nothing.... u are

perosak bangsa dan agama

- a) mempermudahkan hukum Allah
- b) memperkenalkan sistem meritokrasi
- c) memberi wang rakyat kpd vicent tan, ananda etc.

Tun...

bersedia lah nak behijrah pun... esok mati jgn tanam kat malaysia... bukan apa takut generasi akan datang pi kencing atas kubur Tun...

Tun...

Saya berharap sangat agar jgn ada org yg lebih muda dari saya akan menulis begini seperti apa yang saya tulis kepada Tun... harap tun display my comment ni

Bye..

By theatreofdreams on August 27, 2008 3:22 PM

Salams to u Tun,

Saya sudah jangka akan keputusan di Pematang Pauh. Benar sekali apa yg Tun katakan itu. Dalam masa 5 bulan undi utk BN merosot. Bayangkan kalau PR ke 13 nanti. Saya sudah dapat bayangkan apa yg akan terjadi. Tak perlu lah kita huraikan, kita ambil iktibar dari Pematang Pauh sebagai contoh.

Wahai ahli UMNO, janganlah bila sudah hujan baru nak sediakan payung, sesal dahulu pendapatan, sesal kemudian tiada gunanya. Gunakan akal yg di kurniakan ALLAH, jangan jadi lembu dicucuk hidung. Buatlah sesuatu utk kebaikan bangsa, agama dan negara. Jangan jadi 'YES SIR, YES SIR, THREE BAG FULL'. Zaman itu sudah berlalu.

Kita orang melayu Merdeka, bukan melayu derhaka, tapi derhaka haruslah kena pada tempat dan keadaan. Jika sayangkan UMNO, buatlah sesuatu dari sekarang...

Fikir-fikirkan lah....

Yg ikhlas

By amyQ on August 27, 2008 3:22 PM

Assalamualaikum ayahanda,

Disaat Umno yg terlalu lemah ini, kemungkinan UMNO kalah adalah tinggi.. Diharap paklah membuang egonya utk berbaik dgn ayahanda TUN, hanya TUN sahaja dapat mengembalikan maruah org melayu.. Sejarah membuktikan TUN dapat mengalahkan sokongan pada anwar tahun 1999, tidak mustahil tun dapat mengulangi nya semula.. Harap tun sentiasa sihat dan bersemangat utk mengembalikan UMNO sbg parti yg relevan utk org2 melayu...

Terima kasih....

By ariffabusamah on August 27, 2008 3:22 PM

Dear Tun,

On second thought, UMNO is giving out ways to the unholy trinity, Anuar, Karpal and Kit Siang to govern the country. Tahniah UMNO for making it happen and for turning UMNO members into nimcoompoop on daily basis. Apa plak la Pak Lah Nak bohong lepas ni...

By Orang Dapur on August 27, 2008 3:22 PM

Salam Ayahanda Tun.

Kecut perut saya bila membaca tulisan Ayahanda. Apa akan jadi pada nasib negara kita ni.....

Tolonglah Ayahanda, cakaplah pada Pak Lah yang tak tahu bahasa tu suruh turun. Jangan pentingkan diri sendiri. Tolonglah nasib rakyat terutama orang kita, melayu.

Kenapalah Pak Lah tak faham faham. Tolonglah Ayahanda, sampaikan pada PAK LAH. Sekarang jugak. Kalau nak harapkan Datuk Najib, tak payah. Mimpi aje lah. Semuanya kaki bodek.

By Orang Dapur on August 27, 2008 3:23 PM

Salam Ayahanda Tun.

Kecut perut saya bila membaca tulisan Ayahanda. Apa akan jadi pada nasib negara kita ni.....

Tolonglah Ayahanda, cakaplah pada Pak Lah yang tak tahu bahasa tu suruh turun. Jangan pentingkan diri sendiri. Tolonglah nasib rakyat terutama orang kita, melayu.

Kenapalah Pak Lah tak faham faham. Tolonglah Ayahanda, sampaikan pada PAK LAH. Sekarang jugak. Kalau nak harapkan Datuk Najib, tak payah. Mimpi aje lah. Semuanya kaki bodek.

By honeybee on August 27, 2008 3:24 PM

Tun,

Saya ingin melahirkan perasaan dukacita dengan apa yg terjadi di permatang pauh. memang benar anwar bukan pilihan terbaik dan tidak mungkin menjadi pilihan saya selama-lamanya, tapi siapa lagi yang boleh dipilih rakyat? calon barisan pada pandangan saya adalah mangsa keadaan. beliau mungkin antara insan terbaik untuk pilihanraya tersebut, tapi kemarahan rakyat menutupi semua itu. namun di sebalik kemenangan anwar, semakin banyak pertanyaan yang timbul. adakah terjamin masa depan negara? adakah perubahan yang dibawa tidak dipengaruhi pihak luar? bukan setakat ketuanan melayu tapi ketuanan malaysia juga akan terhakis.

selaku rakyat saya juga terasa bosan dengan kepimpinan sekarang. satu demi satu rakyat cuba menunjukkan tanda ketidakpuasan hati tetapi tidak dimengerti oleh mereka di atas sana. takkan sampai terjadi seperti di thailand baru pemimpin nak faham.

saya generasi baru memang sedih dengan masa depan negara ini. bagaimana dengan kehidupan anak-anak saya nanti? dengan polisi yg asyik berubah yang menakutkan investor dan menyukarkan jentera pentadbiran bergerak, masihkah ada masa depan untuk negara ini?

satu demi satu keputusan yang kurang bijak dibuat oleh kepimpinan negara dan secepat kilat ia berubah. mungkin untuk menjaga pihak-pihak tertentu.

rakyat diminta berubah tapi adakah pemimpin juga sanggup berubah?

By CeRminDiri on August 27, 2008 3:24 PM

kata-kata TUN saya sokong 100% Paklah harus cermin dirinya ..

Demi untuk UMNO dan Barisan Nasional

By Orang Dapur on August 27, 2008 3:24 PM

Salam Ayahanda Tun.

Kecut perut saya bila membaca tulisan Ayahanda. Apa akan jadi pada nasib negara kita ni.....

Tolonglah Ayahanda, cakaplah pada Pak Lah yang tak tahu bahasa tu suruh turun. Jangan pentingkan diri sendiri. Tolonglah nasib rakyat terutama orang kita, melayu.

Kenapalah Pak Lah tak faham faham. Tolonglah Ayahanda, sampaikan pada PAK LAH. Sekarang jugak. Kalau nak harapkan Datuk Najib, tak payah. Mimpi aje lah. Semuanya kaki bodek.

By amirulAuthor Profile Page on August 27, 2008 3:25 PM

Salam Tun yang dikasihi lagi disanjungi tinggi...

Tergelak saya baca perenggan ini:-

8. Mesej yang hendak dihantar oleh pengundi Melayu, Cina dan India menjadi sia-sia kerana Dato Seri Abdullah tidak ada telinga untuk mendengar, tidak ada mata untuk melihat.

Bukan setakat itu je Tun, rasa-rasanya otak pun dah biul! Tak cukup sudah semua yang dilakukannya. Ini tiba bajet 2009 nak buat kejutan untuk rakyat konon. Tak sudah2 ke pok lah ini nak bagi gula-gula?

Yang pasti Umno/BN akan lingkup pada PRU13 nanti sekiranya ahli UMNO dan BN masih bermain wayang tanpa menghalau Pok Lah bodowi...

Kita tunggu dan lihat saja... kalau Pok Lah rasa rakyat masih sokong beliau... ini kesilapan besar... WAHAI PM KESAYANGAN RAKYAT KENAPALAH SUSAH SANGAT UNTUK MENERIMA肯YATAAN? SEDARLAH WAHAI PM OIII! BERUNDURLAH SECARA HORMAT!!!!

Akhir sekali, Tun jaga kesihatan Tun dengan baik ya... Kami masih memerlukan Tun sebagai rujukan.... Ya Allah kau selamatkan negarawan yang bernama TDM dan selamatkanlah negara ku Malaysia ini dari terus kehanyutan... amin.

By salimahAuthor Profile Page on August 27, 2008 3:26 PM

Assalamualaikum,

Tun, PP kini ditangan PKR. Saya sgt takut bila mengenangkan skrg ini Malaysia mempunyai seorang PM yg sangat lemah.

Mungkin ada agenda disebalik yg berlaku ini sbb Abdullah Badawi lah org yg membebaskan Anuar. Saya hampir tak percaya di zaman serba moden ini ramai lagi masih digula-ulakan oleh or seperti anuar dgn PR nya manakala Mr. flip flop masih dibuai angan-angan.

We need a huge miracle to redo BN again, Tun.

We really need too. But alas! Abdullah Badawi surely cannot do anything.

By normal citizen on August 27, 2008 3:26 PM

Dear Tun,

Tiada apa-apa yang dapat dilakukan oleh UMNO selain melihat Dato Seri Anwar Ibrahim menjadi Perdana Menteri Malaysia. UMNO ternyata begitu lemah sekali. Barisan Nasional begitu lemah sekali.

Saya rasa walaupun peralihan kuasa dari DSAAB kepada DSN dilakukan sekarang pun itu tidak cukup

untuk mengalahkan DSAI. Kita juga dapat lihat yang pilihanraya kecil di Permatang Pauh ini diketuai Dato Seri Najib, lihatlah sejauh mana pengaruhnya ?? Adakah taktik-taktik dan strategi yang dipakai membuatkan sebarang hasil ??

Saya bayangkan hanya dengan Tun diundang balik ke UMNO dan bersama-sama dengan AAB untuk bersedia dengan proses pemulihan Barisan Nasional dan peralihan kuasa kepada calon UMNO yang berkarisma untuk menjadi Perdana Menteri maka BN masih ada sedikit harapan.

Kalau tidak maka Barisan Nasional akan terus kalah.

By chedet_jr on August 27, 2008 3:26 PM

Salam Tun,

Org2 Permatang Pauh dah jadi wakil dan contoh untuk semua rakyat Malaysia...

Kami memang tak memerlukan pimpinan Pak Lah yang ade skarang..

Post-Mortem or whatever yang BN nak buat skarang ni x payah dibuat pon xpa...

Walau ade lagi 20-30 PRK pon BN mesti tersungkur..

Slagi kepimpinan x ditukar ini la yang akan jadi...

Takkan nk tunggu sampai PRU-13 nanti..

Sure kerajaan yg ade skrg ni lagi parah...

PAK LAH!!!! TURUN LA OI!!!!!

By tengkolok on August 27, 2008 3:27 PM

You are no different from all other UMNO goons. You only see what you want to see and hear what you want to hear. You despise both Anwar and Abdullah that you failed to see that the whole of UMNO baru which you created is CORRUPT and just waiting for its demise. There will be no more "Dulu, Kini & Selamanya".

By chedet_jr on August 27, 2008 3:27 PM

Salam Tun,

Org2 Permatang Pauh dah jadi wakil dan contoh untuk semua rakyat Malaysia...

Kami memang tak memerlukan pimpinan Pak Lah yang ade skarang..

Post-Mortem or whatever yang BN nak buat skarang ni x payah dibuat pon xpa...

Walau ade lagi 20-30 PRK pon BN mesti tersungkur..

Slagi kepimpinan x ditukar ini la yang akan jadi...

Takkan nk tunggu sampai PRU-13 nanti..

Sure kerajaan yg ade skrg ni lagi parah...

PAK LAH!!!! TURUN LA OI!!!!!

By elias on August 27, 2008 3:27 PM

Assalamualaikum Tun,

Mudah2an Allah sentiasa melindungi Tun berdua dan dalam keadaan sihat walafiat untuk meneruskan perjuangan Tun yang belum selesai.

Tun adalah idola saya semenjak saya di universiti lagi dan saya bangga menjadi rakyat Malaysia

yang mempunyai pemimpin tersohor seperti Tun yang mana mungkin kita dah tak da lagi pewaris seperti Tun dimasa akan datang. Masih segar diingatan saya ketika Tun melawat ke Senai, Johor untuk merasmikan bangunan Wisma Malabar dan ketika itu saya bertugas di Senai, saya sanggup menunggu hampir 3 jam menanti kedatangan Tun berdua dan saya adalah diantara ribuan rakyat Johor masa tu yang begitu teruja utk bersua Tun secara "live". Dapat saya saksikan masa tu rakyat berbilang kaum Melayu, Cina dan India bersama-sama beratur ditepi jalan tanpa disuruh utk dapat berjumpa Tun. Bila rombongan Tun tiba, bergema sorakan dan laungan dapat didengar di pakan kecil Senai ketika itu dan masa itulah saya dapat rasakan betapa rakyat sayangkan Tun berbeza dengan our "beloved PM Pak Lah" masa dia datang JB baru2 ni dan solat Jumaat di Mesjid Abu Bakar. Masa dia keluar mesjid saya tengok tak ramai yang nak tunggu dan nak bersalam sehingga terdengar suara2 halus berkata apasal tak da orang nak salam dgn dia. Masing2 lepas imam baca doa terus belah seolah2 tak hirau akan kehadiran beliau. Pada saya kita tak boleh paksa orang untuk hormat orang yang diaorang tak suka (ada alasanlah bukan suka2 /emosi). Walaumacamana pun saya berdoa agar Tun dapat buka minda orang Melayu amnya dan orang UMNO khasnya - "TUKAR PUCUK PIMPINAN UMNO"

By buleh belake on August 27, 2008 3:28 PM

Dear Tun

You have said previously that DSAI's buddy, Paul Wolkowitz is a Neo-Con. I have read here : <http://www.mykmu.net/modules.php?name=News&file=article&sid=7063> that Wolkowitz is a member of Illuminati, and DSAI is actually his "downline" (borrowing the MLM terminology).

During your tenure as PM, have you came across this info? Come on Dear Tun, he's won the PP by election, he's been saying he's on track to Putrajaya (a place he had used to label as wasteful) to take over the government.

You know his true color, I beg you, do expose him for what he is, before more people is duped by him.

Buleh Belake!

By ISTERI ANTIMAMAK on August 27, 2008 3:28 PM

...

TUN,

Benar bagai yang di kata..

Lihat sahaja perpecahan yang berlaku ...dikalangan orang Melayu.

Semuanya kerana Pemimpin yang tak ada akal....alias BODOH..!!!

Ahli UMNO pula TAK ADA JATI DIRI....!!!!

Ahli UMNO PENAKUT....alias BACUL....!!!

HANYA MEMERHATI SAHAJA ...UMNO AKAN HANCUR...MELAYU AKAN HANCUR..

AHLI UMNO 2 KALI BODOH DARI KAMI

KERNA KUASA MEMILIH DI TANGAN MEREKA....!!!!!!

<http://isteri-mamak-tua.blogspot.com>

salam perjuangan

isteri antimamak

.....

By mantoba on August 27, 2008 3:29 PM

Salam Tun yang dikasehi.

Salam Takziah untuk Pak Lah dan Umno sekalian.

1. Saya amat bersetuju dengan para 5 dan 8. Itu lah sebenar2 nya yang telah berlaku di P.P.
2. Tidak syak lagi pembaharuan Umno mesti dilakukan sekarang juga. Tidak ada masa lagi untuk Umno menoleh dan melihat kebelakang lagi apa yang telah dibuat oleh Pak Lah.
3. Jika untuk memaksa Pak Lah melepaskan jawatan tidak diusahakan segera, Umno boleh lah bersedia melakarkan catitan untuk lipatan sejarah selepas PRU 13. Umno sudah pun berkubur ketika itu.
4. Apa lah yang lebeh nya Pak Lah tu, sehingga ahli Umno begitu sayang dan taksub akan kepimpinan nya, dan terus menyokong nya.
5. Apa kah masih tak percaya bahawasa Umno dan BN dibawah Pak Lah telah tidak diterima rakyat lagi.
6. Dimanakah kewarasannya nya pemimpin2 Umno dan ahli2 sekalian masih boleh meletakkan Pak Lah di persada.
7. Apa kah pula yang ditakutkan akan kehilangan Pak Lah. Apa kah penganti Pak Lah akan mengenepikan pemimpin2 yang benar2 ikhlas berkhidmat untuk bangsa dan negara.
8. Yang perlu dilakukan hanya memanjangkan mesej rakyat pada Pak Lah supaya berundur segera. Tak payah tunggu 2010. Tak payah tunggu pun pada perhimpunan agong disember ini.
9. Tapi saya ingin mencadangkan andai nya ini tidak berlaku, Tun saja lah yang tubuhkan Parti baru. Biar lah Umno jadi milik Pak Lah selama2 nya. Mudah2an PRU 13 parti TUN menang dan TUN kembali memimpin. Baru lah padan muka UMNO.
10. Bangunkah wahai ahli2 UMNO, dengarkan suara rakyat dan paling utama nasihat TUN. Jangan lah masih lena dibuai mimpi2 kosong Pak Lah.
11. Jangan lupa KJ tu pun mesti diketepikan. Beliau lah sebahgian punca masalah didalam UMNO.

By zaidiunix on August 27, 2008 3:29 PM

Terima kasih kepada tun atas ulasan ini, sesungguhnya rakyat tidak gembira dengan kepimpinan negara yang sedia ada dan hanya dengan cara ini mesej itu disampaikan. Adalah amat pahit untuk ditelan untuk umno dan bn setelah pelbagai cara dilakukan untuk menawan hati rakyat.

By Uchu KelingAuthor Profile Page on August 27, 2008 3:29 PM

People do not buy those issues any more. The only thing the BN needs to do now is to perform, perform, perform and continuously performing. There's so much delayed in implementing federal projects in Sarawak.

Stop the lips service!

Rgds,

UK

By cikkiahmenulis on August 27, 2008 3:29 PM

Keputusan semalam membuat Kiah merasa sangat sedih melihat apa yang terjadi...

Keputusan yang direkodkan, orang masih mahu memilih Anwar dari seorang lagi calon yang terbukti bagus; malahan dengan undi lebih banyak. Mengapa? Sebab yang pertama telah ayahanda Tun huraikan di atas, izinkan Kiah menulis satu sebab lagi yang Kiah kira tak kurang pentingnya.

Tak dinafikan ada segolongan kecil yang mendokong idealis yang diwar-war dari seorang individu. Tapi mentaliti Melayu ini amnya tidaklah terlalu "bersih" dan kompleks yang mana ianya terlalu mengambil berat "keadilan semua"... Orang Melayu marah kerana kos hidup mereka meningkat, harga petrol dan barang keperluan am naik, taraf hidup mereka terdesak dan tertekan; lalu kaitannya ialah korupsi, nepotisme dan justeru ketidakadilan dicanangkan berlaku. Orang Melayu bukannya marah kerana korupsi dan nepotisme berlaku; yang lalu kesannya adalah kesusahan mereka pada hari ini. Yang paling penting adalah kesan yang dirasa, sebab sudah jadi perkara kedua, nauzubillah...

Jangan cuba bezakan taraf intelektual orang kampung dengan seorang yang berijazah sarjana muda.. fikiran mereka tidak sejauh orang berpelajaran yang terkinja-kinja menyokong keadilan (dalam masa sama yang penting intipati cumalah harga petrol turun?)

Justeru semalam seperti yang pernah terjadi kepada nenek moyang kita suatu ketika dahulu di zaman penjajahan.. kita memilih untuk memenuhi tembolok sendiri, menyenangkan makan pakai kita dengan tidak lagi berkira cara itu betul atau meragukan (orang yang tidak sanggup bersumpah laknat, lalu masih dipilih untuk dipercaya?)... yang penting adalah diri sendiri saja...

Dan bagi orang-orang yang sebegini... betapa rendahnya maruah kita sebagai seorang Islam dan Melayu?

Apa yang ayahanda Tun kata mengenai orang marah kepada Pak Lah betul juga. Tapi dalam masa yang sama ia juga ada kena mengena dengan mentaliti orang Melayu selama ini...

Ayahanda Tun silap bahawa orang Melayu mudah lupa. Ayahanda Tun... hakikat sebenarnya, kita sememangnya tidak pernah mahu belajar dari kesilapan..

Wallahu alam...

experience that you thought them while in seat. It is a known factor that the some of the capable leaders know what to do but the fact the "flip flop" is ignoring and sleeping on the issues making them to be put off. In my opinion, so called "the pm in waiting" if he comes to power can only bring short term actions that would be detrimental to the country in long term. I just pray that either of them does not destroy what Tun have built during the 22 years of reign.

Adios

By leo7 on August 27, 2008 4:19 PM

Tun Mahathir,

Salam Dengan Penuh Hormat.

AAB tidak akan meletakkan jawatan kecuali perkara berikut berlaku:-

1. Sebahagian besar MP BN lompat party menyertai Pakatan Rakyat dan memilih DSAI, MP Permatang Pauh sebagai PM.

Atau,

2. Free Trade Agreement di tanda tangani mengikut tuntutan Amerika. Semua syarikat berhubung kait dengan asset national beralih milik kepada syarikat proxy atau yang condong kepada Amerika.

Ini adalah untuk menjamin bekalan sumber air, tenaga dan bahan bangunan kepada Singapura tidak terjejas dan berterusan selama ujudnya masa. Singapura di beri kebebasan pelaburan tanpa sekatan supaya dapat melebarkan sayapnya di rantau ini. Sayap kanan bertada "USA" dan sayap kiri bertada "UK". Paruhnya bertanda "Israel".

Pada anggapan saya inilah tugas utama AAB sebagai Perdana Menteri Malaysia untuk mendahulukan kesejahteraan Singapura dari kepentingan Negara sendiri.

Apabila perkara 1 atau 2 berlaku barulah AAB bersara dan berhijeriah keladangnya di USA mengikut langkah Taksin yang berhijerah ke Padang Bola nya di UK. Tony dari Air Asia akan menyediakan pengangkutan dan penerbangan murah kepada AAB untuk perhijerahan ini.)0.99 sen satu kepala satu hala KL/Dallas.

Nasib UMNO dan Menteri dan penyokong UMNO lebur dan masih leka dalam alam mimpi mereka. Nasib orang Melayu yang menyokong DSAI dan Pembangkang bolih tahan sedikit, ada yang jadi pembawa beg LGE, ada yang jadi driver kedua keluarga KPS, pengawal keselamatan di rumah LKS dan ramai yang menjadi pak pacak di pintu besar dan pagar di rumah DSAI. Degan hapusnya DEB dan berasaskan merit, orang2 Melayu hanya layak menjadi hamba dirantau Capitalist atau The Greater Singapore, the Satellite State on USA.

Nasib ahli party PAS dan Raja Raja Melayu tidak dapat untuk di ramalkan.

By shazzybabe on August 27, 2008 4:20 PM

After so long reading your blog i just have to give this comment... Yes you are right.. i expected this result.. pak lah should resign.. this is a sign to him.. thanks tun for your good writings. keep

it up and may god bless you.

By fidanoma on August 27, 2008 4:20 PM

1. Salam Ke atas Tun & Isteri, moga sentiasa dlm situasi yang menggembirakan.

2. Memang sudah dijangka kemenangan berpihak kepada DSAI.

Kali ini, rakyat sudah ntah berapa kali memberi signal yang mereka mahukan perubahan pucuk pimpinan UMNO. Tapi DSAAB masih lagi tidak mahu membuka mata hijabnya untuk sebenarnya menyelamatkan parti serta org melayu.

3. saya wonder, DSAAB tidak pernah mendirikan solat istikharah ker dlm membuat pilihan untuk terus bertahan atau melepaskan jawatan dia ? Seharusnya, dia perlu memohon petunjuk dari Allah, pilihan yang terbaik untuk kebaikan rakyat & negara Malaysia dlm scope dunia & akhirat.

4. Byk (bukan segelintir ajer) Org2 kaya skrang nih, tidak lagi mengambil tahu suara2 rakyat kerana mereka dikelilingi oleh org2 berada yang senang hidupnya.

5. Tun, ajaklah semua blogger & penyokong tun buat solat hajat. Saya rasa mereka sedia dtg untuk perkara kebaikan. Pada Allah kita mohon pertolongan demi menyelamatkan Malaysia dari dijajah oleh kroni DSAI & israel. ini ajer cara yang tun & umat islam buleh buat untuk menyelamatkan negara kita.

wassalam...

By ctfraiza on August 27, 2008 4:20 PM

Assalamualaikum ? dan salam sejahtera.

SELAMAT MENJALANI IBADAH PUASA UNTUK SEMUA YANG BERAGAMA ISLAM.

MARHABAN YA RAMADAN.

SETIAP PERISTIWA ADA HIKMAHNYA.

By Panah Ranjuna on August 27, 2008 4:21 PM

Daer Most Honourable Tun, It is not that PKR is so good, but UMNO under the DSAB Al-Hadari is worse.

By Kadir on August 27, 2008 4:21 PM

Dearest Ayahanda Tun, ASM

Banyak masa saya perhatikan di dalam proses pemilihan parti, baik di peringkat cawangan dan bahagian, ketua yang menentukan siapa pegang jawatan dan bukannya ahli. Bila ada isu yang sensitif melibatkan kepimpinan tertinggi negeri atau negara, maka tak sampai kemana pun. Tak ada sesiapa yang berani bawa ke atas. Itu reality ahli UMNO sekarang. Pemimpin yang dipilih pun melalui proses " budaya tolak ke atas " oleh kepimpinan tinggi. Nak ambil berat orang bukan dari parti, jauh sekali. Menolong hanya bermusim. Nak masuk UMNO pun susah. Parti lawan terima dengan tangan terbuka. Lihat saja bila Tengku Aziz masuk DAP.. Mudah dan terus berjawatan. Saya percaya PRU 13 merupakan 'hadiah' terbaik untuk UMNO dan BN. Esok DSAI angkat sumpah jadi YB Ketua Pembangkang. Cepat betul YDP panggil dia masuk dewan..

By seridewi on August 27, 2008 4:22 PM

Assalamualaikum Ayahanda ,

Terdapat teori yg menyatakan AAB & Anwar saling tolong-menolong untuk memastikan bahwa Anwar akan dilantik menjadi PM apabila Anwar bersedia . Mungkin betul teori ini . Sy perhatikan kenapa AAB begitu tunduk kpd Amerika Sykt dan Singapura , kenapa Anwar tidak menyentuh AAB dan keluarganya serta konco-konconya dalam kempen pilihanraya padahal mereka ini adlah lanun dan perompak no. 1 di M'sia dewasa ini? Kenapa Dato'Seri Najib tidak terselamat dari fitnah Anwar dalam kempennya? Mengikut Agendadaily , DS Najib telah difitnah Anwar sbg seorang penganut Hindu . Wahai ahli UMNO , jika kamu tidak berani melawan dan bertindak sekarang di Mesyuarat UMNO Disember ini , maka kamu sekalian adalah pengkhianat bangsa!

Ayahanda Tun , tolong siasat perkara ini dan bertindak segera!

Wassalam .

By zaitonAuthor Profile Page on August 27, 2008 4:23 PM

Assalamualaikum Dearest Tun,

As predicted earlier, DSAI won the election with landslide...but did it ever occur to you that this had been preplanned by DSAB and DSAI just to get rid of DSNR. Makes sense does it not?.....

By helmilim on August 27, 2008 4:25 PM

Salam Kasih Buat Tun,

cek bersetuju dengan pandangan Tun yang mengatakan kini tibalah saatnya Pak Lah melepaskan jawatannya.. sebagai seorang penyokong kuat Umno sewaktu zaman Tun... begitu kecewa dengan prestasi Pak Lah ini... pada pilihanraya yang lepas cek dengan rela hati telahpun memangkah Yb Pas di kawasan Pokok Sena.. seperti cek tidak mempunyai penderian akan tetapi bagaimana lagi harus cek terjemahkan jika bukan dengan memangkah.. Pak Lah sedaqlah bahawa keengaman untuk melepaskan jawatan akan membawa kemusnahan kepada Parti Umno itu sendiri... yang baik datangnya dari ALLAH dan yang buruk dan hina datangnya dari cek...

By FazrullsAuthor Profile Page on August 27, 2008 4:27 PM

Salam Tun,

Amat sedih kerana masih ada orang yang belum sedar...

Salam mesra...

By urangKBAuthor Profile Page on August 27, 2008 4:28 PM

Salam...

Sampai bila lagi Tun nak nafikan kewibawaan DS Anwar..

Bg pendapat saya, kalau DS Anwar menang pilihanraya 100 kali pun, Tun akan tetap persalahkan faktor DS Abdullah sebagai punca kekalahan BN.. Walhal hakikatnya Tun sendiri yang tak mahu menerima hakikat orang yang pernah Tun singkirkan dulu kini sudah kembali dan mendapat sokongan yang besar

dari rakyat.

Bagi saya, kalau tanpa kehadiran DS Anwar pada pilihanraya 8 mac lalu, BN akan tetap menang besar. Tetapi, kehadiran DS Anwar sebenarnya telah menjadi alternatif ataupun 1 harapan baru kepada para pengundi.

Itu pendapat saya...

By aiwguy on August 27, 2008 4:29 PM

Assalamualaikum Tun yang dikasihi dan dihormati,

Kekalahan BN di Permatang Pauh memang sudah dijangkakan. Walaupun seluruh jentera BN dikerah kesana namun hati pengundi di Permatang Pauh sudah bulat untuk memberikan undi kepada calon PKR kerana kekecewaan yang mendalam terhadap DSAAB. Ini merupakan mesej jelas kepada DSAAB sendiri betapa rakyat sudah tidak memerlukan beliau.

Rakyat bukannya menyokong PKR tetapi terpaksa berbuat demikian kerana tidak dapat lagi cara bagaimana hendak ditunjukkan kepada BN kekecewaan mereka. Tindakan mereka ini akhirnya akan mendatangkan kerugian juga kepada orang Melayu. Kerana selepas ini kita akan lihat semua rakyat adalah sama rata. Semua rakyat akan berkongsikekayaan negara sama rata. Tiada lagi keistimewaan buat orang Melayu. Anak2 Melayu akan bersama2 bersaing merebut tempat ke pusat pengajian tinggi. Apa yang diperolehi oleh anak2 Melayu akan diperolehi juga oleh anak2 bangsa asing. Ini perjuangan DSAI sebenarnya. Dan beliau mendapat sokongan orang Melayu sendiri. Maka terima lah.

Saya kecewa dengan kelemahan para pemimpin sekarang. Mereka tidak faham mesej rakyat. Mereka jugalah yang akan dipersalahkan kerana membawa kepada kesengsaraan rakyat nanti. Tunggu dan lihat.

Teruskan berjuang Tun.

By Nasha Bin Edwin on August 27, 2008 4:31 PM

Salam sejahtera...

KEMENANGAN ANWAR DI PERMATANG PAOH MERUPAKAN PETANDA BAHAWA SUMPAH LAKNAT SAIFUL TELAH MEMBERI MALAPETAKA BUKAN SAHAJA KEPADA DIRINYA MALAH KEPADA BN-UMNO. KITA TUNGGU DAN LIHAT APAKAH MALAPETAKA SETERUSNYA AKAN MENIMPA BN-UMNO.

SETERUSNYA PERMATANG PAOH JUGA MEMBUKTIKAN RAKYAT TIDAK TERPENGARUH DENGAN TIPU DAYA PEMIMPIN BN-UMNO SELAMA INI.

By hajiman ibrahimAuthor Profile Page on August 27, 2008 4:32 PM

Ybgh Tun,

Memang ahli UMNO dah jadi kayu, sokong yang membawa rebah. Telinga dah tuli, mata dah buta, hati dah jadi batu. Kerana dia seorang, kita ahli yang berjuta diperbodohkan.

Terlalu boring dimasa ini untuk memperkatakan. Ybgh Tun dah bersuru namun mereka masih tuli dan buta.

Doakan kesejahteraan dan kebahagian Tun.

By Kamalias on August 27, 2008 4:32 PM

Tun Mahathir says: "Apakah yang tidak kena dengan Barisan Nasional sehingga pengundi memberi kelebihan undi yang lebih banyak dari bulan Mac kepada Dato Anwar yang enggan bersumpah."

Tun, ini soal agama , jangan buat main-main. Cukuplah Tun mempermainkan agama semasa Tun memerintah. Hampir semua ahli bijak pandai dalam agama, mufti-mufti dan Majlis Fatwa Kebangsaan sendiri dah mengeluarkan fatwa tentang isu sumpah. Tak kan Tun yang dikatakan sentiasa "alert" tentang hal ehwal semasa masih tak tahu benda ni. Tun janganlah Tun memerbodohkan lagi rakyat. Kalau 10 dulu tun boleh buat sekarang tak lagi.

The fact is PKR menang besar di permatang pauh sebab mereka memang hendak menang dan memang nak jatuhkan umno/bn.

By gegakgempita on August 27, 2008 4:32 PM

hehe taktik memberi gula2 kepada rakyat dgn cuba 'memperbaiki kemudahan awam' dan menurunkan harga minyak tidak menjadi..

cakap lah apa pun.. pekik la apa pun.. dia takkan dengar. mana boleh turun/lepas jawatan.. malu oooo... kurang2 kena lah 'baiki' kesalahan yg dah dilakukan.. tak begitu?

ada 2 tahun lagi nak 'baiki' kelemahan ni.. sempat lagi nak sapu apa yang patut.. paling teruk pun lepas dah takde jawatan, migrate tempat lain mcm ex-pemimpim jiran kita.

semperna menyambut hari merdeka dan Ramadan nie, ku ucapkan selamat sejahtera ke atas semua. Di harap pemimpin2 yg CEMERLANG & GEMILANG yg boleh TERBILANG dengan jari tangan akan muncul.

p/s: Tun, kalau ditakdirkan AI jadi PM dan Tun hendak migrate, inform la kami, warga chedet.com.. nak ikut sekali migrate!!

By "My Way" on August 27, 2008 4:32 PM

Hi Tun,

Well, like you said from Day 1...now it has been clearly shown that people are just fed up with things. Again, 'they' just don't get it especially the 'CEO' of the country. He still think that the rakyat is happy. Well, beside the General Election, this By-Election is again another clear message to BN to buck up and do the painful changes for the betterment of the country. Seriously doubt the 'CEO' is going to give up, but it will be amazing if he do.

Cheers!

By Onlooker on August 27, 2008 4:33 PM

Tun,

Tun sudah membuat kesimpulan bahawa semua kekalahan UMNO atau Barisan Nasional adalah disebabkan oleh kebencian para pengundi terhadap Dato Seri Abdullah. Tun memanglah sangat "bias" terhadap Dato Seri Abdullah.

Dato Seri Najib adalah pemimpin yang bertanggungjawab ke atas kemenangan pilihan kecil Permatang Pauh. Kenapa dalam blog ini Tun tak pernah sebut nama Dato Seri Najib dan tak pernah menyalahkan

beliau kerana beliau sudah gagal untuk menewaskan Dato Seri Anwar? Apakah Dato Seri Najib masih jadi penyayang Tun lagi?

Tun, janganlah pilih kasih sangat dalam hal pemilihan pemimpin UMNO! Sebenarnya, kegagalan UMNO dalam pilihan kecil Permatang Pauh sudah membuktikan bahawa Dato Seri Najib sudah menjadi sesuatu "liability" dan bukan lagi sesuatu "asset" kepada UMNO dan Barisan Nasional. Kenapa Dato Seri Najib tidak menafikan bahawa beliau ada kena-mengena dengan seorang bomoh India daripada Kerala yang menganuti Hinduism seperti yang diberitakan dalam laman web "Malaysia Today"?

Benarkah Tun betul-betul percayai bahawa bersumpah dengan Koran adalah cara yang bersifat Islam untuk menyelesaikan pertikaian antara satu sama lain? Kalau Tun betul-betul percayai pada kekesanan sumpah dengan Koran sebagai suatu cara yang paling baik untuk menyelesaikan pertikaian, maka mintalah Tun bersumpah di Mesjid bahawa Tun punyai bukti yang mencukupi untuk mendatangkan kesimpulan bahawa Dato Seri Anwar pernah meliwat!

Onlooker

By crazyidiot on August 27, 2008 4:33 PM

"13. Pilihan bagi UMNO hanya dua. Setia kepada Dato Seri Abdullah dan kalah dalam Pilihanraya Umum ke 13 atau setia kepada UMNO lebih daripada setia kepada Dato Seri Abdullah dengan kemungkinan menang Pilihanraya Umum ke-13. "

You forgot one more option.

Lompat ke PKR.

By iamagoodmalaysian on August 27, 2008 4:33 PM

tun, sy pelik...

knp time nk p/raya permata pauh pak lah tak plak berkempen, knp DSNTR yg beria2 berkempen? pelik gak sy time tuh! pastu berangan nk menang... last2 kalah!

By soupich on August 27, 2008 4:34 PM

Assalamualaikum YABhg TDM dan semua,

PRU 12 & P44 menjelaskan kehendak majoriti rakyat Malaysia. Tren ini akan berterusan sehingga PRU 13. Perkara ini adalah proses evolusi, apabila produk-produk baru yang lebih berketerampilan dapat disediakan. Mungkin dahulu jenama ford, 120y jadi tumpuan. Tapi kini banyak lagi jenama baru yang lebih menawan dan up-to-date yang ditawarkan. Ianya lebih menarik perhatian dan efektif.

Bukan bermakna semuanya yang terdahulu tidak memberi sumbangan dengan cemerlang, tapi faktor masa dan kehendak telah mengatasi segalanya. Dan begitulah dengan UMNO. bukan ianya tidak berjasa, tapi jenama ini sudah tidak harum lagi dimata rakyat, sebab-sebabnya adalah sedia maklum.

Apa-apa yang ada hari ini hasil dari usaha mereka terdahulu.

Tapi apabila sianak tidak menghargai lagi IbuBapanya, siapakah yang silap? Apakah didikan mereka tidak betul , ataupun mereka sendiri telah menyongsang arah. Ataukah ada unsur-unsur yang telah memesongkan arah anak-anak tersebut.

apapun masa terus berlalu dan menuju ke titik akhirnya.

mohon maaf. wassalam.

By Jinggo on August 27, 2008 4:35 PM

DEAR TUN..

BRAVO!!! MESEJ YANG SAMA TERBUKU DALAM HATI SAYA!!! BANGUN-BANGUN SEMUA... KALAU NAK TIDUR, TIDURLAH DULU KINI DAN SELAMANYA...

-Jinggo Rock-

By jack permai on August 27, 2008 4:36 PM

Assalamualaikum Tun, semalam sewaktu terlihat kemenangan DS Anwar Ibrahim, fikiran saya melayang layang, saya teringat sewaktu tun bergandingan tangan dgn anwar dulu.... bagi saya inilah gandingan terhebat yang pernah tercipta dalam sejarah politik malaysia, gabungan tun dan dsai tak pernah tergugat waktu itu sama ada oleh pas, dap, termasuklah semangat 46. Bila saya terlihat semula foto2 lama tun dan dsai.... aaarrgh rindu betul rasanya pada waktu itu. Namun sekiranya benarlah dakwaan dsai akan membentuk kerajaan pada 16 sept ini, harap2 janganlah tun berhijrah ke negara lain, saya rasa dsai tidaklah sekejam itu untuk membala dendam terhadap tun.... impian saya agar dsai dapat semula memimpin malaysia dengan bantuan tun untuk menaikkan semula mertabat negara kita yang semakin hanyut dibawah pimpinan dsaaab. Itulah impian saya tun , BUANG YANG KERUH AMBILLAH YANG JERNIH . Wassalam

By fuzzywuzzy on August 27, 2008 4:37 PM

seperti yang dijangka, anwar menang. walaupun akhbar perdana sibuk mencanangkan bahawa sokongan kepada BN bertambah beberapa hari sebelum pilihanraya, namun, kita sendiri tahu bahawa keadaan sebenar adalah sebaliknya.

persoalannya, bilakah akhbar perdana akan berani mengkritik dan berpijak di bumi nyata? mengapa perlu lagi menyarungkan bantal ke kepala abdullah badawi. (tho, he doesnt need a pillow to fall asleep)

dan bilakah agaknya ahli umno akan berani bersuara. kepada semua ahli-ahli umno (aged >40 years old), sedarlah, masa depan kami iaitu adik2/anak2 anda berada di tangan anda sekarang. jangan salahkan pengundi muda kerana "melupakan" perjuangan BN selama ini dan memangkah pembangkang, kerana kami tiada pilihan. kami mahukan perubahan dan perubahan itu adalah PAKLAH TURUN TAKHTA.

tiada juga keyakinan kami terhadap kepimpinan najib melihatkan dirinya yang hanya menurut permainan politik kotor paklah.

dan percayalah, kami pengundi muda bukanlah menyokong anwar dan konco2 nya, tetapi kami hanya mahu paklah berundur.

yes, tun, 2 years after paklah turun nanti akan terlalu suntuk. anwar has BIGGGG plans on his mind.

kami generasi muda yang masih menuntut tidak mampu bersuara lantang buat masa ini. hanya mampu memangkah.

terima kasih tun. i love u so much =)

By zainuddin yahya hassan on August 27, 2008 4:38 PM

Salam Sejahtere YABG. Tuna dan keluarga semoga Allah sentiasa melindungi kesejahteraan dan keselamatan hendaknya Amin. Saya sangat sokong kenyataan YABG. Tun tentang keputusan pengundi-pendungi di Permatang Pauh. Penyokong UMNO dan BN mengundi DSAI bukan mereka suka pada DSAI tetapi sebagai tanda protes mereka terhadap kepimpinan PM yang lembab, sangat lemah dan halatuju negara yang samar-samar. Tambahan lagi rakyat marah dan geram sangat dengan kerajaan sekarang kerana gagal mengawal harga barang-barang runcit yang menjadi keperluan asas rakyat. Seolah-olah kerajaan tak ambil kisah penderitaan rakyat berhadapan dengan kenaikan barang-barang runcit yang tidak terkawal. Rakyat kebanyakannya mahukan perubahan pemimpin dan kepimpinan sekarang kata mereka patut letak jawatan serta merta tanpa syarat. Rakyat dah bosan dibuai kata-kata dan ucapan-ucapan manis pemimpin yang hanya tahu berkata-kata tetapi tidak tahu menyelami masalah rakyat. Kenapa tidak di antara pemimpin UMNO dan BN yang berani tampil ke hadapan dan mencabar kepimpinan tertinggi BN seperti yang berlaku ketika YABG. Tun menjadi Perdana Menteri? Alangkah baiknya jika Tun masih Perdana Menteri Malaysia ketika Negara menghadapi keadaan genting seperti ini? Semoga Allah s.w.t datangkan seorang pemimpin yang benar-benar berkalibar, berjiwa rakyat untuk mengadakan pentadbiran yang mesra rakyat. Insyallah.

By Pok-KamAuthor Profile Page on August 27, 2008 4:38 PM

Salam Tun,

What a gloomy picture on the latest the development in our beloved country. Tun must be feeling sad.

DSAI were expected to win and this he did. A landslide victory at that. The people at PP has no other choice but to vote for him either because they really liked, wanted and trusted him enough to be their candidate or just as sign of protest to the present Government.

The issue here is not because DSAI had gained enough votes from the non Malays. Even UMNO members are thought to have voted for him or had just stayed at home. Has UMNO really lost it this time? When are going to rise from their slumber?

By fuzzywuzzy on August 27, 2008 4:39 PM

seperti yang dijangka, anwar menang. walaupun akhbar perdana sibuk mencanangkan bahawa sokongan kepada BN bertambah beberapa hari sebelum pilihanraya, namun, kita sendiri tahu bahawa keadaan sebenar adalah sebaliknya.

persoalannya, bilakah akhbar perdana akan berani mengkritik dan berpijak di bumi nyata? mengapa perlu lagi menyarungkan bantal ke kepala abdullah badawi. (tho, he doesnt need a pillow to fall asleep)

dan bilakah agaknya ahli umno akan berani bersuara. kepada semua ahli-ahli umno (aged >40 years old), sedarlah, masa depan kami iaitu adik2/anak2 anda berada di tangan anda sekarang. jangan salahkan pengundi muda kerana "melupakan" perjuangan BN selama ini dan memangkah pembangkang, kerana kami tiada pilihan. kami mahukan perubahan dan perubahan itu adalah PAKLAH TURUN TAKHTA.

tiada juga keyakinan kami terhadap kepimpinan najib melihatkan dirinya yang hanya menurut permainan

politik kotor paklah.

dan percayalah, kami pengundi muda bukanlah menyokong anwar dan konco2 nya, tetapi kami hanya mahu paklah berundur.

yes, tun, 2 years after paklah turun nanti akan terlalu suntuk. anwar has BIGGGG plans on his mind.

kami generasi muda yang masih menuntut tidak mampu bersuara lantang buat masa ini. hanya mampu memangkah.

terima kasih tun. i love u so much =)

By rarunasalamAuthor Profile Page on August 27, 2008 4:41 PM

TDM

this is pathetic – your comments that BN has receeding support is both inaccurate and misleading.

It's inaccurate as DSAI had a stake in ground given a large number of voters had voted his wife in the previous election, and there was a larger voter turnout this by-election (people who would have voted Anwar) regardless of his alleged Sodomy charge or his ability to lead his constituents let alone the nation.

It's misleading because you state this further adds to BN's chink in the armour under Datuk Seri Abdullah's leadership – Permatang Pauh is a classic constituency that showed it did not want change from the incumbency (be it Anwar, Mrs. Anwar, or anyone remotely linked to Anwar). The fact that >15K people believed BN is their prefered party indicates Anwar did not have overwhelming response as he would have liked to have.

Anwar now would like for the nation to think PKR/Opposition has the muscle to assume Governance of country, but this is a smokescreen.

If Malaysians think that under PM Abdullah's leadership, the country is suffering, then they have either no ability to understand that the very change they are clamouring for is being delivered at a faster and more responsible pace by PM Abdullah than it was under you.

You have not helped with your disparaging and unconstructive comments, and I guess that will not change, so continue making your pointless comments while I hope educated Malaysians will form their own opinion on how they see the current governance more optimistic for a future Malaysia.

(Ravi)

By Tun Jebat on August 27, 2008 4:42 PM

YABhg TUN,

Permainan Pak Anwar cukup licik, dalam apa keadaanpun beliau sentiasa nampak bersih di kalangan pengikutnya. Seolah-olah Pak Nuar adalah Maksum. Pengikut Fanatiknya akan percaya apa sahaja yang dicakapnya.. malah sanggup pula mati bersamanya.

Kes Pak Nuar dengan Azizan... yang dibebaskan bukan sebab dia tak bersalah atau dia tak liwat

Azizan... tapi sebab teknikal sahaja.

Sekali lagi saya perturunkan sedutan hujah penggulung di dalam mahkamah yang menyatakan bahawa DSAI memang terlibat.

" Even though reading the appeal record, we find EVIDENCE TO CONFIRM that the appellants were involved in homosexual activities and we are(semua juri kecuali sorang) more inclined to believe that the alleged incident at Tivoli Villa did happen, sometime, this court, as a court of law, may only convict the appellant if the prosecution has successfully proved that the alleged offences as stated in the charge, beyond reasonable doubt."

Maksudnya wahai saudara ku... DSAI memang terlibat di dalam aktiviti tidak bermoral itu tetapi disebabkan TECHNICAL FAULT, beliau dibebaskan daripada tuduhan tersebut.

Jika kita percaya atas penghakiman yang kita anggap ADIL.. (Membebaskan Anwar) Kita juga kena percaya bahawa AKHLAK ANWAR terang-terang rosak atas sebab yang sama (Penghakiman) juga. Hal ini barulah boleh dikatakan Rasional dan Adil mengadili, bukan taksub membuta tuli.

Sdr Derian08 dan lain-lain yang Pro Anwar buta tuli... beristikarah lah... agar kita mendapat petunjukNya di Jalan Yang Benar. Salah satu tanda Allah nak turunkan BALA kepada hambanya ialah 'Dengan hasil tangan hamba itu sendiri yang mengangkat Pemimpin yang terdiri dari PEMIMPIN yang ROSAK AKHLAKNYA.

Nauzubillah.

By jamjam on August 27, 2008 4:42 PM

Dearest Tun

Ask any low ranking UMNO member , they all want the current PM to resign, never have i heard otherwise. But somehow, all branches agree to Pak Lah's extension period to destroy the country. How is this possible? Aren't the lower rank majority being heard?

My challange to UMNO, let EVERY single member of UMNO have a vote, in a vote of confidence against the party president. Let every single members voice be heard.

Thank you Tun for what you have done for the country.

By autaman on August 27, 2008 4:42 PM

ironically, the day before the election took place , DS Najib say that he is confident that BN will win.

When the actual result came out , he said the the democracy process is alive and kicking . BN will do a post mortem on what went wrong on the campaign.The winning margin is considered to be the same with PRU 12 election.

Wow ! so ignorant and blind. Majority of the rakyat are now really disgusted with the current goverment with its flip flop policy headed by a lost and sleepy leader. They fail to acknowledge that the numbers of voters actually decreased and yet AI still get a better victory margin against

BN. This clearly shows that support are shifting towards PKR.

I agree that we have no choice apart from voting for PKR as BN are not relevant anymore with it's "yes man" attitude of all its component parties in the coalition. What is really disappointing to me is that during the tabling of price increase motion in the parliament, all "wakil" from BN voted for it. I don't believe that all agree to it but just to please AAB, they voted for it.

See what is happening now, inflation has skyrocketed and they started to panic and still haven't formulate a concrete plan on how to move forward with our economy. What really tickles me is the decision to lower the fuel price and hope that the CPI will go down. This is not a game! trial and error basis? Hope the CPI will go down? This really shows you the mentality of our current government machinery. First is the anti inflation committee and now economy committee but in essence, they are the same. This is what our current PM is good at by introducing royal commission here and there and so called committee here and there.

As bad as AI can be, he is surely better than AAB. This is the main decision point in choosing AI and his opposition party by the general public.

By fauzi sagap on August 27, 2008 4:42 PM

Tun yang dikasihi,

Bagi saya, bukan ahli UMNO tak nak memberontak nak suruh Pak Lah turun. Boleh dikatakan di setiap kedai kopi, apabila perbincangan ini berlaku, semua orang tak suka dengan Pak Lah ni. Akan tetapi ada beberapa perkara yang menjadi penghalang;

- 1) tiada seorang pun pemimpin UMNO yang boleh diharapkan untuk menyeru Pak Lah turun yang seterusnya disokong dan didukung oleh ahlinya.
- 2) semua pemimpin UMNO semacam tak tahu nak melawan Pak Lah, jadi pak turut aje. takut tak dapat apa2 jawatan atau tak dinaikkan ke jawatan lebih tinggi jika melawan.
- 3) dikalangan ahli pula bila dapat kenal dengan pemimpin UMNO yang agak tinggi jawatannya, jadi berlagak. kenal pemimpin itu, pemimpin ini. dan bila dijanjikan dengan projek yang tak tentu lagi jadi, dah berubah fikiran. daripada semangat untuk selamatkan UMNO jadi semangat untuk selamatkan diri sendiri.

Itu pendapat saya Tun, sebagai rakyat Malaysia. Saya tak suka dengan kepimpinan Pak Lah tapi tak bermakna saya sokong Anwar Ibrahim jadi PM.

By chemud on August 27, 2008 4:43 PM

Assalamualaikum, Tun

1. Maafkan saya kerana komen ini.
2. Sebenarnya perkara ini telah dididik dari zaman Tun lagi.
3. Masih segar dalam ingatan saya bagaimana orang-orang kanan Tun merayu-rayu jangan letak jawatan semasa Tun umum akan letak jawatan.

4. Saya tak tahu apa yang tersirat dalam hati Tun masa tu, samada betul-betul nak letak jawatan atau nak test market.
5. Sebaik sahaja Tun letak jawatan, Tun dah hilang kawan dan penyokong (orang kanan) yang dulu menangis dan merayu jangan letak jawatan. Malah ada yang marah dan seolah-olah sangat benci bila Tun bersuara.
6. Saya berpendapat, langkah Singapura adalah relevan untuk kita ikut. Apa salahnya kita ikut jika perkara yang baik untuk kita.
7. Mereka lantik Lee Kuan Yew jadi Menteri Kanan. Sekurang-kurangnya pendapatnya masih boleh diterima pakai dan didengari.
8. Tapi ianya hanya tinggal kenangan.
9. Dengan status Tun sekarang sebagai ahli biasa, eh! bukan ahli UMNO lagi, saya tak fikir mereka itu mengambil peduli pendapat dan pandangan Tun.
10. Hanya kami-kami ni sahaja lah yang setia melawati dan menyokong Tun.
11. Saya belum pernah untuk bertemu dengan Tun secara bersemuka , hanya dilaman ini sahaja dapat saya beri komen. Kalau saya berpeluang nescaya saya akan bersalam dan kucup tangan Tun tanda hormat, bukan nak bodek.
12. Semoga Tun sentiasa sihat dan mendapat rahmat dari Allah s.w.t.

Wallahu' lam

Che Mud

By Malaysian Future on August 27, 2008 4:45 PM

Politik malaysia sekarang sudah menjadi "POLITIK BERSUMPAH", di mana ahli-ahli politik bersaing untuk bersumpah di depan Tuhan untuk membuktikan mereka tidak bersalah atau berbohong demi membela kepentingan masing-masing. Kita amat sedih bahawa wakil wakil rakyat yang kita pilih masih menghabiskan masa untuk permainan politik semacam ini, kita memang letih dengan semua ini.

KITA TAK NAK "KERAJAAN BN" DAN "TAK NAK KERAJAAN PEMBANGKANG", MEREKA SEMUA TIDAK BERGUNA BELAKA DAN BODOH. KALAU BOLEH, TUN TUBUKAN PARTI SENDIRI DAN SAYA PERCAYA MAJORITI RAKYAT MALAYSIA AKAN SOKONG TUN.

By zuddinur on August 27, 2008 4:46 PM

Assalamualaikum Tun,

Sesungguhnya kekalahan di Permatang Pauh jelas membuktikan bahawa rakyat telah menolak Barisan Nasional yang diterajui oleh Pak Lah. Kehadiran dua anak muda yang kononnya lantang bersuara dalam siri kempen di Permatang Pauh juga gagal menyakinkan rakyat Permatang Pauh.

Walaupun Ezam yang begitu lantang membongkarkan segala kelemahan Anwar dengan menerima wang jutaan ringgit, gagal mempengaruhi pengundi kerana apakah Ezam tidak menikmati faedahnya ketika bersama dengan Anwar pada suatu ketika dulu.

Kehadiran KJ juga dilihat lebih memparahkan lagi keadaan apabila beliau hanya tahu menyerang Anwar tetapi setiap serangan Anwar terhadap dirinya gagal dijawab malahan beliau tidak menjawab langsung.

Apakah KJ berani bersumpah muhabalah bahawakekayaan yang beliau miliki sekarang dalam usia yang muda hasil dari titik peluhnya sendiri dan bukan melalui bantuan bapa mertuanya.

UMNO perlu berani dan kedua-dua pemimpin muda ini tidak seharusnya digunakan pada masa akan datang untuk berkempen bagi calon UMNO atau BN kerana kehadiran mereka berdua bukan mendatangkan manfaat tetapi merosakkan segala-galanya. Itu hakikat yang perlu kita terima dan tidak boleh dinafikan.

Sewajarnya kita orang Melayu perlu berani dalam hal ini, jangan kerana seorang pemimpin kita sanggup melihat UMNO terkubur, ada baiknya kita kehilangan seorang pemimpin tetapi UMNO terus berdiri teguh dan kukuh.

Saya yakin masih ramai orang Melayu yang sayangkan UMNO tetapi kerana sifat rakus pemimpin yang masih rasakan dirinya dihargai maka tiada cara lain orang Melayu terpaksa mengkhianati partinya sendiri.

By niki on August 27, 2008 4:48 PM

By Anak Malaysia on August 27, 2008 3:43 PM

Dear Tun,

I do not agree that voters voted for Anwar because they wanted to make sure BN don't win the by-election. If that was the case, the 'calon bebas' would win, and win big!

Yes, agree with you, Anak Malaysia.

By sham12 on August 27, 2008 4:51 PM

asalamualaikum TUN, ini kali pertama kali saya memberi komen. TUN , anwar is playing mind games. he will conquer PUTRAJAYA soon. you the only one who know how to response this counter attack. we are in the danger zone. you gave batton to a wrong person, how can a clever leader like you cannot judge this possibility. please do something before its to late. you are always in my mind. 85 is not so old for a warrior like you. LONG LIVE TUN.

By Jebat2008 on August 27, 2008 4:51 PM

Assalamualaikum Tun,

Walaupun saya bukan ahli UMNO hanya satu saja formula untuk kembalikan UMNO segagah dahulu iaitu:

UMNO MESTI MENOLAK KEPIMPINAN DOLAH BADAWI SEKARANG JUGA. SEMAKIN LAMA UMNO SEMAKIN TENAT.

NAJIB ATAU MUHYIDIN JUGA BELUM PASTI BOLEH MEMULIHKAUMNO KECUALI :

1. PROJEK-PROJEK YANG TUN CADANGKAN SEBELUM PENYERAHAN KUASA PADA DOLAH SPT JAMBATAN BENGKOK JOHOR, LANDASAN KERETAPI BERKEMBAR DLL YANG BANYAK MEMBERI KEUNTUNGAN PADA MASA DEPAN RAKYAT DAN NEGARA

PERLU DITERUSKAN.

2. LAKUKAN REFORMASI PENTADBIRAN BESAR-BESARAN TERUTAMA PADA TOK-TOK MENTERI YANG PANDAI MEMBODEK DOLAH MESTI DISINGKIRKAN KERANA RAKYAT SEMUA DAH BENCI.
3. TANGANI HARGA MINYAK DENGAN SEBIJAKNYA.
4. ISU SABAH DAN SARAWAK MESTI DITANGANI SECARA BIJAK.
5. DALAM UMNO PERLU JUGA DITANGANI MASALAH RASUAH DAN SIFAT METERIALISTIK. DALAM UMNO SEKARANG SIAPA YANG BANYAK WANG, AKAN GUNAKAN WANG UNTUK TERUS BERKUASA. TIADA PERJUANGAN BANGSA DAN NEGARA YANG SEBENARNYA. CARI PEMIMPIN YANG BENAR-BENAR BERSIFAT BERBAKTI UNTUK RAKYAT SELAIN BIJAK.
6. MASALAH MIC ... SAMY VELU ORANG INDIA DAH TAK MAHU DA LAGI. TANGANI MASALAH MIC DAN MCA DEMI MENARIK SOKONGAN DARI INDIA DAN CINA KEMBALI KEPADA BN DENGAN SEBIJAKNYA.

DLL.

By Kala Jengking on August 27, 2008 4:52 PM

Yang dikasihi selalu TUN,

Saya rakyat kerdil dari Sabah ni sebenarnya cukup muak sekali menonton berita & akhbar masa kini. Semuanya cerita politik yang memualkan & memalukan. Ini menunjukkan betapa pemimpin yang ada sekarang terlalu lemah & cuma pandai membodek saja.

Apa lah agaknya selepas ini.....

By Gadis melayu on August 27, 2008 4:55 PM

Jelas sekali rakyat sudah hilang kepercayaan dengan Dato' Seri Abdullah... bila la dia ni nk sedar!!
By Nasha Bin Edwin on August 27, 2008 4:58 PM

SALAM SEMUA..

KALAH MENANG MEMANG LUMRAH NAMUN CARA KEKALAHAN ITU DAN HIKMAH DISEBALIKNYA YANG PERLU KITA HAYATI...

MELIHAT KEPADA CARA KEKALAHAN BN ADALAH AMAT TRAGIS DAN MEMALUKAN KERANA MEREKA TELAH MENGGUNAKAN TAKTIK KOTOR SEPERTI PROPAGANDA MELALUI MENGENAI ISU LIWAT, SUMPAH LAKNAT, BERAT SEBELAH DALAM MENANGANI ISU RASUAH, ISU AKUAN BERSUMPAH BALA DAN RAJA PETRA DAN BANYAK LAGI TAKTIK KOTOR YANG TAK MAMPU HENDAK DIHURAIIKAN...

KEKALAHAN BN-UMNO INI SAMA SEPERTI TEWASNYA ATLIT YANG BERTANDING DALAM TEMASYA OLIMPIK YANG MENGGUNAKAN TAKTIK KOTOR UNTUK CUBA MENDAPATKAN KEMENANGAN... TETAPI MALANGNYA TAKTIK TERSEBUT TIDAK BERHASIL MALAH MEMAKAN DIRI SENDIRI....

By mohd haiziAuthor Profile Page on August 27, 2008 4:59 PM

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Assalamualaikum Tun...

Menangnya DSAI di Permatang Pauh sememangnya dapat dihidu dan dijangkakan oleh semua lapisan masyarakat. walaupun bertembung dengan calon BN yang diwarwarkan sebagai mampu mengatasi undi

DSAI, namun harapan dan keyakinan BN untuk menakluki Permatang Pauh akhirnya memakan diri.

Saya bersetuju dengan pandangan Tun punca kekalahan BN ini disebabkan oleh perasaan serba salah pengundi dan keinginan pengundi yang mahukan kepimpinan baru Malaysia berubah tampuk kepimpinan.

Bahang PRU 12 yang lepas masih membahang sampai hari mengundi semalam dan kita dapat lihat komitmen Pakatan Rakyat ataupun Barisan Nasional memenangi hati pengundi. Serangan bertalu2 kepada Pakatan Rakyat melalui media arus perdana juga menyumbangkan perasaan simpati dan menyampah rakyat terhadap isu yang disensasikan bagi tujuan pilhanraya kecil ini.

Harap kerisauan rakyat akan kembali tenang kerana dikhuatiri kalau trend ini berterusan, sokongan seluruh rakyat kepada kepimpinan sekarang akan terus merudum.

Saya sebagai generasi muda hanya mengharapkan yang terbaik walau siapapun kerajaan nanti... cherio....

By CLC on August 27, 2008 5:00 PM

Dear Tun,

Betul cakap Tun, sebenarnya bukan semua pengundi menyokong AI; Tetapi, AI telah sumpah akan turunkan harga minyak lebih banyak daripada AB yang tidak faham kesusahan rakyat, itulah jadinya kebanyakan pengundi menukar sokongan mereka kepada AI.

Lagi satu, anak menantunya yang sompong itu tidak semua org sukaannya, dia lebih baik turun dan keluar dari jadi ahli politik, tak sesuai dia jadi ahli politik dengan sikap yang begitu sompong sekali!

By 3snow on August 27, 2008 5:00 PM

Sir, i always been loyalty to you, i always remember the glory that you bring to our beloved country during your time, you'll always make the best decisions for our beloved country, lead our country to the eyes of the world, i always remember the slogan that say by Sir: "MALAYSIA BOLEH", with the spirits within in our heart, we believed nothing we cant achieve in that time, we sucess held the Commonwealth, builed the world tallest building, conquer the world highest mountain, MSC, held the many times of Le Tour, make many mass projects.....etc, make us always looking forward for the VISION 2020 and PROUD ot be MALAYSIAN, but as the time past by, when Pak Lah take over the country, all the glory became fade day by day, all of us lost the "spirits of unbeatable", we won't shout "MALAYSIA BOLEH" as loud as the past, we already lost confidence to this country that lead by Pak Lah, Pak Lah never understand the difficult life we having nowadays, most of the Malaysian's salary are not enough to cover the expenses due to critical inflasion lately, from the election result, MALAYSIAN are sending a VISIBLE MESSAGE to our goverment that we are not SATISFY what we are now, we deserve GOOD PM like SIR does to lead our country back to the glory we have in the old days or even better, that is what i call democratic system, from my truly heart, Sir, THANK YOU.

By D.MANA Author Profile Page on August 27, 2008 5:01 PM

Salam TUN,

Rakyat Malaysia sepatutnya mengucap tahniah kepada kematangan pengundi Permatang Pauh yang memberi kemenangan kepada DSAI.

Kami sedang menunggu tindakan DSAI seterusnya.

1. Menjadi PM Malaysia yang ke 6.
2. Menurunkan harga minyak.
3. Menyatukan bangsa dan memberi peluang sama rata kpd semua kaum
4. Memulihkan ekonomi.
5. Mengharumkan lagi nama Malaysia.(lebih dari TDMM)

Bolehkah DSAI laksanakan semua ini? Kalau tak boleh buat, tak ada beza dengan DSAAB.Bak kata pepatah Inggeris, "Seekor burung dalam genggaman lebih baik dari dua ekor dalam belukar."

By solcroft on August 27, 2008 5:02 PM

Belum akhbar dan TV arus perdana putar belitkan cerita pilihanraya utk sedapkan hati pemimpin UMNO dan AAB, sudahpun Tun Dr Mahathir putar belitkan cerita utk sedapkan hatinya sendiri. Begitu susah sekali ke mengaku kepada kenyataan bahawa Anwar yang menang.

By EARAAuthor Profile Page on August 27, 2008 5:04 PM

ASSALAAMUALAIKUM TUN,

Pendapat saya tentang perangai orang Melayu :

-apabila orang Melayu MARAH maka banyak tindakan yang tidak baik boleh berlaku

-walaubagaimanapun adab orang Melayu yang lemah lembut, sopan santun dan mudah memaafkan akan banyak membantu jika seseorang itu sedar akan kesalahannya dan memohon maaf dgn ikhlas

-apabila orang Melayu BENCI terhadap tindak tanduk seorang Melayu yang DEGIL, EGO DAN PENTINGKAN DIRI SENDIRI lebih daripada Bangsanya sendiri maka KEBENCIAN akan meluap-luap bertambah dari sehari ke sehari

-dan ini lah yang berlaku sekarang apabila orang-orang Melayu semakin MEMBENCI kepada pemimpin Melayu yang ada didalam UMNO

Wallahualam. wassalam

By candanawangiAuthor Profile Page on August 27, 2008 5:05 PM

Assalamualaikum Tun,

Masa depan yang menakutkan !

Kalau DSAB turun, DSXYZ (atau siapa-siapa pun) yang naik, ada jaminan ke UMNO akan pulih?
Entah-ntah 2 X 5 aje.

By azly on August 27, 2008 5:05 PM

Sedih betul....

Apa lah yang dibuat oleh Pak Lah ni, masih tak faham-faham lagi....

Orang Penang sendiri tak suka dan nak dia turun dari jadi Presiden UMNO tapi buat tak ret-reti....

Wahai...pemimpin-pemimpin UMNO yang lain, berusaha la untuk menjatuhkan Pak Lah sekiranya UMNO ingin maju dan berkuasa kembali...

Berusaha lah untuk memberi isyarat kepada Pak Lah untuk berundur....

By Jue on August 27, 2008 5:06 PM

I have voted for the opposition in the last election BUT i can assure my entire family will vote for BN again with a condition he should RESIGN!!

By fais on August 27, 2008 5:07 PM

memang benar kata kata TUN ..rakyat semakin muak dan benci kpd pak lah..hidup TUN
By Abu Seman on August 27, 2008 5:08 PM

Tun jgn nak memandai la bagi pendapat yang kononnya pengundi di Permatang Pauh sebenar bukan nak undi DSAI.Maksudnya pengundi tak ikhlas la nak undi DSAI...Tun jgn nak merapu la...tu alasan lapok Tun dari dulu lagi...kalau tak ikhlas masakan hampir 120ribu penyokong boleh berhimpun di Intitut Tunku Bainun dalam keadaan hujan demi menyatakan sokongan kepada DSAI dan Pakatan Rakyat. Saya sendiri orang Permatang Pauh saya lebih faham isi hati penduduk permatang pauh. Umno sudah tidak lagi ada dalam hati kami.Bagi kami Umno sudah menjadi jijik dan hina sejak dari Tun memecat DSAI hingga ke hari ini.Sebenarnya TUN yang bertanggungjawab merosakkan UMNO kerana TUN memecat DSAI dan menghina beliau dengan sedemikian rupa. Sejak dari peristiwa 2 Septemper 1998 itu UMNO terus jatuh dan jatuh dan sedikit masa lagi UMNO akan pupus sama sekali. Lebih baik TUN meminta maaf kepada DSAI atas apa yang TUN lakukan pada beliau.

By oshkosh on August 27, 2008 5:09 PM

salam Tun,

apa yg Tun cakap tepat sekali.. sama seperti pendapat saya & sebahagian besar yg memberi komen... tapi PakLah & ahli2 UMNO lain tetap tak sedar (atau tak mahu terima kenyataan?)... tak tahu macam mana lagi... aii (sangat kecewa)

By thaiso on August 27, 2008 5:10 PM

Assalamualaikum Tun.

'Dilema Melayu'.

Sampai berikan wang untuk bayar hutang pada orang lain bangsa.Bukan seagama.Kerana untuk dapatkan jaminan Dato' Seri Abdullah Ahmad Badawi tidak mengganggu lagi.

A new Malays Dilema.

Terima kasih Tun.

By KKK on August 27, 2008 5:11 PM

Seeing that the government is expediting the DNA bill, i am pretty sure something fishy is going to happen. You should be well versed in this tactics. Why dont you give them a pointer or two. Anwar will not be Malaysian PM ever becoz his career already ended the day he was once again charged with sodomy. But we all know that there is a possibility its all a propaganda. Who better to know this then Dr Mad.

By rahim on August 27, 2008 5:14 PM

salam...

1)Sudah tiba masanya untuk UMNO recharge semula. pemimpin yang ada sekarang bukan pemimpin yang pernah merasa hidup susah (TPM), tidak pernah merasa penderitaan rakyat kebanyakan..para pemimpin yang suka mengampu dan membodek sila nyah dari UMNO..

2) perjuangan PKR tidak jelas hala tuju..hidup PKR kerana Anwar Ibrahim..

3) kita terlalu bangga, gembira dengan pembangunan material...bagaimana dengan rohani..keruntuhan akhlak muda-mudi tidak pernah di lontarkan..apa sudah jadi dengan bangsaku...

By FedererAuthor Profile Page on August 27, 2008 5:14 PM

Tun, I strongly agree with your conclusions. The rakyats vote for PKR is because they are totally fed-up with BN. This is the 2nd lesson the rakyats taught Abdullah & Gang, lets see what is BN's next course of action.

By jimi asmara on August 27, 2008 5:14 PM

Dear Ayahanda Tun,

Tun banyakkan berrsabar,...kita boleh lihat muka Ai tak seceria mana bila dia menang pasal pekung dia bakal terbongkar.....

By Chris on August 27, 2008 5:18 PM

Sir,

If Abdullah goes, then Najib takes over by default. But he too will come under intense pressure with Anwar back in action. Now we hear that Najib has been practicing Hinduism, or something like that. What has become of Najib? Is he out of his mind to indulge in such practices, if it is true? Now there will be more swearing on the Holy Koran. No sir, only you can revive the fortunes of this country as well as take on Anwar. So, act now before its too late. We are behind you, no fear.

By drpeah on August 27, 2008 5:19 PM

Assalamualaikum Tun

I do not think the current leadership has what it takes to challenge Anwar.Whether we like it or not, the only person that can put Anwar in the corner is you.Perhaps you should consider coming back. There are many of us who will support you.

May Allah bless you, Tun.

By jadi on August 27, 2008 5:20 PM

Salam Tun,

Ada sesuatu yang pelik di sini:-

Anwar Ibrahim mungkin ada pakatan sulit dengan Dollah

1. Dollah mungubah sistem kehakiman. Anwar tak ditahan walaupun dituduh liwat. Hakim bebaskan dia dengan ucapan happy birthday.
2. Dollah kuatkan BPR. BPR soal siasat Musa Hassan dan Ghani Patail. Kesian, Ketua Polis Negara dan Peguam Negara kena siasat.
3. Dollah gunakan kuasa eksekutif menghalang Musa dan Ghani menyiasat Anwar dalam kes liwat
4. Dollah walaupun tak turun kempen di Permatang Pauh tapi telah merosakkan rentak kempen BN dengan :-
 - a) Mengarahkan BPR tangkap dan dakwa exco Perak dari PKR.
 - b) Khairy Jamaludin yang over menambah benci rakyat kepada BN.
5. Dollah menerima Ezam Noor dan memberikan kebebasan berceramah kepada beliau. Hasilnya banyak backfire kerana beliau membawa cara ceramah Keadilan yang memprovokasi. Ezam pula team up dgn Nalla. Habis rosak kempen BN.
6. Dollah datang sekejap pada 26.8.08 dan balik awal pada 4.35pm. Petanda awal BN kalah.
7. Saya tengok calun AKIM itu serupa tabiatnya macam Dollah. Kalau Dollah bertanding pasti dapat 92 undi juga.
8. Ariff Shah suatu masa dulu di katakan pernah termakan budi Anwar? Kenapa beliau dipilih Dollah sebagai calun? Saya rasa kalau bertanding siapa makan banyak calun BN akan menang.
9. Dollah menghantar Dato Najib ke Pmtg Pauh supaya Dato Najib di sindir teruk oleh penyokong2 DSAI. Dollah berharap agar ahli2 UMNO sedar bahawa Najib juga tidak di sukai dan menjadi bahan ketawa orang ramai.

10. Akhirnya Anwar dengan kadar segera dipanggil ke Parlimen untuk angkat sumpah. Macam ada kuasa lain yang mengarahkan Dollah menerima Anwar dengan segera di Parlimen.

By rahim on August 27, 2008 5:20 PM

salam..

